



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



psi

ANALISIS KRITIKAN TOKOH KONTEMPORARI BERDASARKAN LOGIK TERHADAP HADITH AL-BUKHARI DAN MUSLIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMAD AIDIL BIN ZALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



i

ANALISIS KRITIKAN TOKOH KONTEMPORARI BERDASARKAN LOGIK TERHADAP HADITH AL-BUKHARI DAN MUSLIM

MUHAMAD AIDIL BIN ZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 10.....(hari bulan) Januari.... (bulan) 2023.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Muhamad Aidil Bin Zali, P20152001325, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari berdasarkan Logik terhadap Hadith Al-Bukhari dan Muslim

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramle (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari berdasarkan Logik terhadap Hadith Al-Bukhari dan Muslim

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

25/1/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari berdasarkan Logik terhadap Hadith Al-Bukhari dan Muslim

No. Matrik / Matic's No.: P20152001325

Saya / I : Muhamad Aidil Bin Zali

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 25/1/2023

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name 

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Penantian dalam menulis tesis ini adalah sebuah perjalanan yang sangat penuh dengan cabaran dan pengorbanan. Sekiranya bukan kerana bantuan daripada pelbagai pihak, kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan. Oleh yang demikian, saya mengucapkan sangat bersyukur kepada Maha Pencipta Allah SWT. Selepas kalimat syukur, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Rozaimi bin Ramle sebagai penyelia tesis. Keluhuran budi beliau sebagai penyelia tesis ini membuatkan bebanan pengkaji menjadi ringan kerana beliau sentiasa mengingatkan dan menasihati serta terus memberi tunjuk ajar tanpa pernah leka. Sebaliknya setiap kekurangan adalah berpunca daripada kelemahan dan kekurangan pengkaji.

Ucapan syukur yang tidak terkira pengkaji persembahkan untuk ibu Rokiah bt Hj Atan yang sentiasa mendoakan dan memberi kata-kata semangat kepada pengkaji agar mencapai kejayaan dalam pelajaran, manakala buat Allahyarham abah Zali bin Katan yang telah wafat sebelum dapat menyaksikan sendiri kejayaan ini, agar rohnya dicucuri rahmat dan hidayah serta bersama orang-orang saleh. Juga kepada isteri tersayang Aznoraini bt Hj Zulkefli yang selalu mengingatkan kepada pengkaji dengan kata-kata motivasi dan sokongan beliau turut meneguhkan azam pengkaji di kala semangat mengendur kerana pelbagai cabaran. Kepada anak-anak pengkaji; Amjad Wafiuddin, Aflah Muttaqin, Akhtar Dzulfiqar dan Amni Safiyyah, pengkaji berharap semoga suatu hari nanti kajian ini menyuntikkan semangat mereka untuk bermujahadah di jalan ilmu.



Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada para sahabat yang selalu memberikan bantuan dan sokongan kepada pengkaji. Pengkaji berterima kasih kepada Kapt Mohd Nor Adli bin Osman atas perbincangan ilmu dan rakan bersama-sama dalam menuntut di jalan ilmu. Tahniah kepada beliau kerana dapat menyiapkan sebuah tesis PhD yang bertajuk ‘Analisis Riwayat *Al-Mudallisīn* Di Dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*’. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera dan Jabatan Arah KAGAT yang telah memberi kepercayaan dan menempatkan pengkaji agar pengkaji dapat menyiapkan penulisan tesis yang panjang dan penuh ranjau ini. Terima kasih juga kepada Pegawai Memerintah Rejimen Perhubungan Strategik Kem Paya Jaras Sg Buloh, para Pegawai-pegawai, anggota yang telah mendoakan kejayaan ini. Terima kasih juga tidak terhingga kepada Komander *Malaysian Battalion (MALBATT 850-9) United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFIL)* dan seluruh Pegawai serta anggota dalam mengharungi kehidupan selama setahun di bumi Lubnan sebagai UN *Peacekeeper* (Pengaman Misi), semoga kita selamat pergi dan selamat kembali ke tanahair Malaysia.





ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji kritikan tokoh kontemporari berdasarkan logik seperti aliran moden, Muktazilah, Syiah, Anti-Hadith, orientalis dan mempertahankan semula hadith-hadith daripada sahih al-Bukhari dan sahih Muslim yang dikritik. Isu yang diketengahkan dalam tesis ini adalah untuk mengupas sangkalan kritikan yang telah dilemparkan oleh golongan kontemporari disamping mengemukakan penyelesaian dan jawapan berdasarkan sumber-sumber yang dihasilkan oleh para ulama dahulu dan kini. Justifikasi kajian ialah untuk mengenal pasti, menghuraikan faktor dan menganalisis tema hadith yang berkaitan dengan kesihatan, pencegahan penyakit, alam semesta, penciptaan insan dan sifat-sifatnya. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif secara penyelidikan perpustakaan. Ia menggunakan metode induktif, deduktif dan komperatif dalam menganalisa data-data penyelidikan dan membuat perbandingan terhadap kritikan tokoh kontemporari. Dapatkan kajian mendapati bahawa tokoh kontemporari terkesan dengan ideologi pemikiran falsafah yang berani menolak nas-nas yang sahih, mereka terlalu cepat meletakkan hukum kepada sesuatu hadith, mereka mengabaikan kaedah memahami matan dalam aspek *asbab wurud* dan persekitaran hadith, mereka juga berlebihan dan melampau dalam menggunakan akal dan mereka tidak berpegang kepada kaedah penyelidikan ilmiah. Kesimpulannya, dapatkan utama kajian ini menunjukkan kritikan tokoh kontemporari bercanggah dengan logik akal dan tabiat manusia, bercanggah dengan sifat al-Quran dan sifat kenabian, bercanggah dengan realiti semasa, bercanggah dengan fakta saintifik dan bercanggah dengan fakta sejarah. Implikasinya, pengkaji dapat menyediakan kaedah kritikan hadith menggunakan logik di sisi ahli Sunnah perlu didekahkan agar menjadi garis panduan dalam ilmu kritikan hadith. Tesis ini mendapati Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim sebagai sumber utama bagi hadith sahih tidak tergugat kerana kecelaruan dan kritikan telah dijustifikasi.





ANALYSIS OF THE CRITICISM MADE BY CONTEMPORARY FIGURES ON THE HADITH OF AL-BUKHARI AND MUSLIM BASED ON LOGIC

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify criticisms of sahih of Bukhari and sahih Muslim made by logic-driven contemporary figures such as Islamic Modernists, Mutazilites, Shiites, Anti Hadiths, as well as the Orientalists and to defend these hadiths from the said criticisms. The issue highlighted in this study is the refutation of criticism thrown by the contemporary figures at these hadiths by presenting solutions and answers obtained from sources published by past and present Muslim scholars. The scope of this study is to identify, elaborate and analyse hadith themes related to health, disease prevention, the universe, human creation and its attributes. The research methodology used is qualitative in the form of library research. It uses inductive, deductive and comparative method in analysing research data and when making comparisons against the criticisms made by of contemporary figures. The study found that the contemporary figures were influenced by the philosophical thinking ideology, they dared to reject authentic propositions (*nas*) and rashly laid down a judgement on a hadith. They neglected the method required to understand the context of hadith (*matan*) based on *asbab wurud* and circumstances surrounding the formation of each hadith. They used logical reasoning excessively and without restrain, while disregarding scholarly research methodology. In conclusion, the main findings of this study showed that the criticisms made by these contemporary figures contradicted logical reasoning and human behaviours, contradicted the Quran and the prophetic virtues, contradicted the present reality, contradicted scientific facts and contradicted historical facts. The implication of the study is that the researcher is able to provide a method of logic-based hadith criticism which is aligned with this Sunnah to serve as a guideline in the science of hadith criticism. The research found that the position of Sahih al-Bukhari and Sahih Muslim as primary sources for authentic hadith are not affected as all the fallacies have been justified.





KANDUNGAN

Halaman

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI ILUSTRASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
TRANSLITERASI	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Kepentingan Kajian	15
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Tinjauan Kajian Lepas	19
1.7.1 <i>Al-Naqd</i> dalam Ilmu Mustalah Hadith	20
1.7.2 Penulisan Berkaitan Metodologi Kritikan Hadith	26
1.7.3 Penulisan Berkaitan Kitab Sahih Bukhari dan Muslim	28
1.8 Metodologi Kajian	32





1.8.1	Metode Pengumpulan Data	34
1.8.2	Metode Menganalisis Data	36
1.9	Definisi Istilah/ Pengertian Tajuk	40
1.10	Kerangka Konseptual	49
1.10.1	Rumusan Kerangka Konseptual	50

BAB 2 PENGENALAN TOKOH KONTEMPORARI DAN BIOGRAFI IMAM AL-BUKHARI DAN IMAM MUSLIM

2.1	Pendahuluan	51
2.2	Pengenalan Ahli Sunnah wal Jamaah	52
2.2.1	Pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah Dari Sudut Bahasa	59
2.2.2	Pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah Dari Segi Istilah	60
2.2.3	Kemunculan Istilah Ahli Sunnah wal Jamaah	62
2.2.4	Ciri-Ciri Ahli Sunnah Wal Jamaah	66
2.3	Pengenalan Aliran dan Tokoh Kontemporari	70
2.3.1	Aliran Pemikiran Moden	71
2.3.2	Aliran <i>Inkar Sunnah</i> (Anti Hadith)	83
2.3.3	Pengenalan Syiah	91
2.3.3.1	Pengenalan Tokoh Syiah Berkewaan Kajian	93
2.3.4	Pengenalan Orientalis	95
2.4	Riwayat Hidup Imam al-Bukhari	100
2.4.1	Imam al-Bukhari dilahirkan	100
2.4.2	Pendidikan Imam Bukhari	101
2.4.3	Pujian Ulama Terhadap Imam al-Bukhari	105
2.4.4	Mehnah dan Kematian Imam Al-Bukhari	107
2.4.5	Hasil Karya Imam Al-Bukhari	110





2.4.6 Pengenalan Al-Jami' Al- Sahih Al- Bukhari	111
2.5 Riwayat Hidup Imam Muslim	121
2.5.1 Imam Muslim Dilahirkan	121
2.5.2 Pendidikan Imam Muslim	123
2.5.3 Kaedah-kaedah yang Digunakan dalam Pengumpulan Hadith dan Periwayatannya	128
2.5.4 Pendapat dan Kritikan Ulama Terhadap Imam Muslim	133
2.5.5 Karya Imam Muslim	137
2.6 Kesimpulan	141

BAB 3 METODOLOGI DAN FAKTOR KRITIKAN HADITH OLEH KONTEMPORARI

3.1 Pendahuluan	142
3.2 Faktor-Faktor Yang Mendorong Kontemporari Mengkritik Hadith	143
3.2.1 Menyokong Mazhab	143
3.2.2 Terkesan dengan Pemikiran Falsafah	147
3.2.3 Terlalu Cepat Meletakkan Hukum Kepada Sesuatu Hadith	149
3.3 Metodologi Tokoh Kontemporari Dalam Mengkritik Hadith	152
3.3.1 Tidak Mengikuti Kaedah Memahami Matan Hadith Nabi	152
3.3.1.1 Mengabaikan Kaedah Memahami Matan Dalam Aspek <i>Asbab Wurud</i> dan Persekutaran Hadith	153
3.3.1.2 Mengabaikan Kaedah Mengumpulkan Riwayat-Riwayat Dalam Memahami Hadith	156
3.3.2 Berlebihan pada Menggunakan Akal	158
3.3.2.1 Melampau Dalam Menggunakan Akal	158





3.3.2.2 Tidak Dapat Membezakan di antara Mustahil dan Pelik Dari Segi Akal	161
3.3.3 Tidak Berpegang Kepada Kaedah Penyelidikan Ilmiah	163
3.3.3.1 Menolak Hadith Sahih Dengan Hadith yang Dikritik	163
3.3.3.2 Mengkritik Hadith Dengan Hadith yang Dhoif	165
3.4 Kesimpulan	166

BAB 4 HADITH YANG BERKAITAN DENGAN KESIHATAN

4.1 Pendahuluan	168
4.2 Hadith-Hadith Yang Berkaitan Dengan Penyembuhan	169
4.2.1 Hadith Penyembuhan Dengan Madu	170
4.2.2 Hadith Penyembuhan dengan <i>Habbatus Sauda'</i>	185
4.2.3 Hadith Minum Susu Unta dan Air Kencing Unta	195
4.2.4 Hadith Penyembuhan Dengan Bekam	201
4.2.5 Hadith Penyembuhan Rawatan Perubatan (<i>Al-Kayy</i>)	207
4.2.6 Hadith Penggunaan Gaharu India	214
4.2.7 Hadith Penyembuhan dengan Al-Quran dan Doa	217
4.2.8 Hadith Penyembuhan dengan Keberkatan Nabi SAW	231
4.3 Hadith-Hadith Yang Berkaitan Dengan Pencegahan Penyakit	236
4.3.1 Hadith Makan 7 Biji Kurma	236
4.3.2 Hadith Lalat	245
4.3.3 Hadith Menjilat Jari Selepas Makan	253
4.3.4 Hadith Tiada Jangkitan	258
4.3.5 Hadith Seorang Anak Yang Baru Dilahirkan	273
4.3.6 Hadith Melarang Istinja' Dengan Tangan Kanan	278
4.3.7 Hadith Meludah dalam Masjid	281





4.4	Kesimpulan	285
-----	------------	-----

BAB 5 HADITH YANG BERKAITAN DENGAN ALAM SEMESTA DAN PENCIPTAAN INSAN

5.1	Pendahuluan	288
5.2	Hadith-Hadith Yang Berkaitan dengan Alam Semesta	289
5.2.1	Hadith Matahari Sujud di Bawah <i>Arasy</i>	289
5.2.2	Hadith Matahari Terbit daripada Barat	296
5.2.3	Hadith Terbelah Bulan	302
5.2.4	Hadith Allah Turun ke Langit Dunia	309
5.2.5	Hadith Isra' dan Mikraj	315
5.2.6	Hadith Batu Berkata-kata Pada Akhir Zaman	323
5.2.7	Hadith Daging Tidak Akan Rosak	326
5.2.8	Hadith Pokok yang Menghabarkan Nabi Tentang Jin	329
5.2.9	Hadith Turunnya Hujan Hanya Kepada Taman Orang yang Bersedekah	334
5.3	Hadith-Hadith Yang Berkaitan Dengan Penciptaan Insan dan Sifat-Sifatnya	338
5.3.1	Hadith Meniup Roh Dalam Janin	339
5.3.2	Hadith Air Wanita	345
5.3.3	Hadith 'Azal (Mengeluarkan Sperma di Luar Kemaluan Isteri)	349
5.3.4	Hadith Tangisan Bayi	352
5.3.5	Hadith Ketinggian Nabi Adam a.s	359
5.3.6	Hadith Nabi Sulaiman a.s Mengelilingi 90 dan 100 Orang Perempuan Semalam	366
5.3.7	Hadith Melawan Menguap	374
5.3.8	Hadith Wanita Pendek Akal dan Agama	378
5.3.9	Hadith Kunci-Kunci Perkara Ghaib (Menurunkan Hujan)	388





5.4	Kesimpulan	396
-----	------------	-----

BAB 6 RUMUSAN

6.1	Pendahuluan	399
6.2	Pencapaian Objektif	400
6.2.1	Pertama: Membincangkan metodologi perbezaan Sahih al-Bukhari dan Muslim dengan tokoh kontemporari dalam mengkritik hadith	401
6.2.2	Kedua: Mengkaji dan menghuraikan faktor yang menyebabkan tokoh kontemporari mengkritik hadith Bukhari dan Muslim berasaskan kepada logik akal	402
6.2.3	Ketiga: Menganalisis kritikan golongan tokoh Kontemporari terhadap teks Hadith al-Bukhari dan Muslim yang berkaitan dengan kesihatan dan menghuraikan jawapan bagi kritikan tersebut	405
6.2.4	Keempat: Menganalisis kritikan tokoh kontemporari Terhadap Hadith sahih al-Bukhari dan Muslim yang berkaitan dengan alam semesta dan penciptaan insan serta menghuraikan jawapan bagi kritikan tersebut	406
6.3	Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari Berdasarkan Logik	406
6.4	Kaedah Mengkritik Hadith Menggunakan Logik di Sisi Ahli Sunnah	408
6.5	Implikasi Kajian dan Cadangan	415
6.6	Penutup	417
	RUJUKAN	418





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
4.1 Hasil Penyelidikan Ujian Klinikal terhadap penggunaan madu lebah untuk mengubati Penyakit Mata oleh Dr Muhammad Imarah, Mesir. Dalam kurung (-) adalah kekerapan pemeriksaan	179
6.1 Rumusan Hadith	409





SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah	Halaman
1.1 Kerangka Konseptual	49
4.1 <i>Tuberculoid Leprosy</i>	272
4.2 <i>Lepra Reaction</i>	272
6.1 Hasil Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari Berdasarkan Logik Terhadap Hadith al-Bukhari dan Muslim	415





SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
H.	Hijrah
Hlm.	Halaman
Ibid.	Edibem
M.	Masihi
Opcit.	<i>Opera Citato</i>
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





TRANSLITERASI¹

Arab	Rumi
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Arab	Rumi
ط	ṭ
ظ	dh
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ڭ	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y

¹ Berdasarkan Jadual Transliterasi “Roman Transliteration of Arabic Script (ROTAS)” dengan sedikit modifikasi untuk konsonan ظ dan ڏ. Rujuk International Islamic University Malaysia. (t.t.). Table of Transliteration. Dicapai pada 21 Januari 2017, dari http://rotas.iium.edu.my/?Table_of_Transliteration.





Arab	Rumi	Arab	Rumi
'	a	أَءِيْ	an
'	u	وَ	un
'	i	يَ	in
ا، يَ	Ā	وَ	aw
وَ	Ū	يَ	ay
يَ	Ī	وَ	uww, ū (di akhir perkataan)
		يَ	iyy, ī (di akhir perkataan)





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Hadith merupakan sumber kedua hukum syarak selepas al-Quran. Para ulama sejak zaman awal Islam sangat mengambil berat tentang segala perkara yang berkaitan dengan hadith, sama ada dari sudut periwayatan, pengumpulan, penulisan, pemahaman, maknanya serta pengelasan hadith menurut kategori tertentu.

Peranan hadith sangat besar sehingga tidak mungkin dapat dipisahkan dengan al-Quran. Al-Quran banyak kandungannya bersifat prinsip dan dasar umum yang lengkap manakala perinciannya terdapat di dalam hadith. Hadith berperanan sebagai penjelas yang *mujmal* dan yang samar serta juga sebagai penerang bagi hukum yang umum. Justeru itu, kedudukan hadith begitu penting yang menuntut agar diberi perhatian dari sudut kefahaman yang tepat dan betul.





Hadith mempunyai sejarah yang unik dan mengalami masa transisi dari transisi oral ke transisi tulisan. Begitu jauh masa di antara zaman Nabi s.a.w dan kita yang memungkinkan kita tersilap dalam memahami hadith kecuali kita kembali kepada kefahaman generasi awal iaitu sahabat dan tabiin. Bertitik tolak daripada itu, ada beberapa cabaran yang besar dalam pengajian hadith masa kini seperti:

- i. Tersebarnya hadith yang tidak berautoriti dalam masyarakat Islam melalui *facebook, twitter, whatsapp* dan media elektronik seperti televisyen, radio dan media bercetak seperti surat khabar dan majalah selain buku-buku bacaan.

Termasuk juga penyebaran hadith-hadith palsu melalui mimbar masjid dan kuliah-kuliah agama.

- ii. Ada golongan yang sentiasa berusaha untuk menjauhkan umat Islam daripada hadith Nabi s.a.w. Kaedah yang mereka gunakan ialah dengan memasukkan idea-idea dan pemikiran-pemikiran yang menyeleweng dan sesat terhadap maksud hadith-hadith Nabi s.a.w. Mereka juga menyuburkan tuduhan palsu dan tohmahan terhadap kredibiliti hadith-hadith Nabi s.a.w. Maka munculnya golongan anti-hadith dan liberal yang menggunakan logik akal mereka semata-mata dalam memahami hadith yang memburukkan lagi keadaan. Mereka ini juga sebenarnya menghidupkan kembali idea-idea golongan Syiah, Khawarij, *Inkar hadīth* (anti hadith), Muktazilah dan batiniyyah yang terkenal dengan sifat batil mereka terhadap Islam².

Justeru itu, persaingan di dalam dunia politik antara kelompok Muslim dalam rangka perebutan kekuasaan juga ikut mewarnainya. Sehingga pada akhir abad ke 9

² Faisal Ahmad Shah, *Kaedah Tepat Memahami Hadith*, Kuala Lumpur, 2016, Penerbit Universiti Malaya, h x.



Masihi, usaha penulisan dan pengumpulan tersebut dapat menghasilkan beberapa koleksi besar munculnya kitab-kitab hadith yang dianggap sebagai sumber asasi bagi hadith-hadith sahih³. Seperti Sahih Al-Bukhari dan Muslim serta yang lain.

Walaubagaimanapun, golongan Syiah juga telah menyatakan hasil pengumpulan dan penulisan mereka hasil daripada ulama mereka iaitu Al-Kulaini (w 939m) sebagai “*suitable for the science of religion*” dan dilengkapi juga dengan koleksi Ibn Babuyah (w 991m) dan Al-Tusi (w 1067m). Sementara kelompok Khawarij pula menggunakan kitab-kitab Ibn Habib (tercetus akhir abad ke-8) yang disebut sebagai al-Sahih al-Rabi’ “*The true one of spring*”. Mereka dari golongan yang sering menimbulkan kritikan pada dua kitab yang sahih dikalangan Ahli sunnah wal jamaah iaitu Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Maka pengkaji akan merungkai kritikan yang ditimbulkan oleh pengkritik kontemporari dalam kajian ilmiah ini. Pengkaji memberi tajuk dalam kajian ilmiah ini ialah **“Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari Berdasarkan Logik Terhadap Hadith Al-Bukhari dan Muslim”**. Kajian ini adalah untuk meneliti dan menilai kritikan mereka terhadap sahih al-Bukhari dan Muslim.

1.2 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah Kajian

Ilmu hadith telah berkembang semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga kini dengan adanya satu ilmu iaitu Ilmu kritik hadith atau dalam bahasa Arabnya ialah

³ Subhi Saleh, *Membahas Ilmu-ilmu al-Quran*, 1992, Pustaka Firdaus, hlm. 20.



Ilmu Naqd al-Hadith (علم نقد الأحاديث). Inilah antara sebuah keistimewaan yang hanya dimiliki oleh umat Islam. Tiada tamadun dan agama lain yang memiliki dan mengamalkan mekanisma penapisan riwayat yang sangat teliti sepihiknya yang diamalkan oleh Ahli Hadith. Menurut Ibn Taimiyyah⁴, keistimewaan ini secara lebih khusus lagi adalah milik tokoh-tokoh Islam dari kalangan ahli Sunnah⁵. Aliran-aliran lain seperti Syiah, Muktazilah dan Khawarij tidak mengamalkan tradisi yang sangat teliti ini. Justeru, oleh kerana penelitian ini adalah sebuah kajian tentang kritik hadith, ruang lingkup penelitian ini dibatasi hanya kepada aliran-aliran semasa yang mengamalkan tradisi Ahli Hadith dalam meneliti kesahihan sanad dan matan. Aliran-aliran itu ialah hanya berasal daripada aliran ahli Sunnah sahaja. Aliran selain daripada mereka seperti Syiah, orientalis, modenis Islam, Islam liberal dan lain-lain berada di luar cakupan kajian ini⁶.



Manakala ulama hadith yang lepas dan masa kini sering membahaskan permasalahan hadith sahih dan hadith palsu. Permasalahan ini terus berlaku dan berleluasa diamalkan oleh umat Islam pelbagai peringkat. Sama ada di peringkat cerdik pandai Muslim mahupun diperingkat masyarakat awam. Perbahasan ini terus berlaku sehingga ianya menjadi polemik dalam kalangan para ulama dan seterusnya

⁴ Abu al-Abbas Ahmad bin Abd al-Halim bin ‘Abd al-Salam al-Harrani al-Dimasyqi al-Hanbali (m.728 H/1328M), seorang ulama ensiklopedik yang menguasai pelbagai bidang ilmu. Kepakaran beliau dalam ilmu Hadith diperakui oleh Ahli Hadith seperti al-Dzahabi, Ibn Hajar dan lain-lain. Beliau dilahirkan di Harran dalam tahun 661H/1263M, beliau berpindah ke Damsyik dan wafat di Kota ini pada tahun 728M/ 1328M. Untuk biografi ringkas tokoh ini lihat al-Dzahabi, *Tadzkirah al-Huffaz*, 4:192, Khayr al-Din bin Mahmud al-Zirkili, *al-A’lam* (Beirut: Dar al-‘Ilm li al Malayin, 2002), 1:144.

⁵ Lihat ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah. *Al-Isnad min al-Din: Safhah Mushriqah min Tarikh Sama’ al-Hadith ‘Ind al-Muhadithin* (Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah, 2014). 19-29.

⁶ Walaupun aliran-aliran ini menyentuh perbincangan tentang aspek kesahihan hadith akan tetapi konsep dan kriteria yang mereka amalkan bertentangan dengan konsep dan praktik Ahli Hadith. *Tawthiq al-Sunnah Bayna al-Syiah al-Imamiyyah wa ahl Sunnah fi Ahkam al-Imamah wa Nikah al-Mut’ah* (Beirut: Dar al-Salam, 2003). 143-307.





umat Islam⁷. Menurut Ibn al-Salah, jika terdapat isu yang oleh para ulama, maka hendaklah beramal dengan pendapat yang kukuh dari hujah setelah melakukan proses *tarjih*⁸. Kajian teks hadith dalam kalangan Sunni telah banyak di lakukan oleh para pemikir hadith. Manakala kajian bagi kritikan tokoh kontemporari terhadap hadith Sahih Bukhari dan Muslim masih berkurangan. Tokoh kontemporari dan ulama Syiah telah menggunakan logik akal mereka untuk menghuraikan makna hadith yang kurang tepat dan seolah-olah menolak kesahihan hadith di dalam kitab Sahih Bukhari dan Muslim.

Untuk melihat dari sudut ilmiah, golongan Sunni dan pengkritik kontemporari yang lain masing-masing mempunyai metodologi dalam menghimpun hadith dan membuktikan kesahihan hukum hadith. Penilaian hadith diukur dari segi kritikan matan hadith dan kritikan pada periyatannya atau sanad. Dalam hal ini, para ulama hadith Sunni mahupun yang lain mempunyai kriteria kualiti periyat, baik dari sudut sanad mahupun integriti peribadi periyat. Perkara ini menjadi landasan penemuan metodologi yang tepat agar hadith-hadith dapat dipertahankan dan dipertanggungjawabkan secara ilmiah.

Sehubungan dengan itu, pelbagai khidmat dan usaha telah dilakukan oleh para ulama Sunni dalam mempertahankan kitab hadith sahih yang telah disepakati oleh para ulama iaitu Sahih Bukhari dan Muslim. Antara usaha-usaha tersebut seperti

⁷ Contoh perbahasan ini ialah hadith yang sanadnya sahih menurut majoriti umat Islam, manakala sebahagian ulama hadith matannya tidak sahih contohnya tidak bersetuju Muhammad al-Ghazali ulama Mesir abad ke-20 bahawa terdapat hadith-hadith yang sanadnya sahih tetapi matannya tidak sahih (*daiif*). Perkara ini dapat ditemui dalam kitab *Jami' al-Saḥīḥ* Imam al-Bukhari dalam hadith peristiwa *isra' mikraj* Nabi saw dan Nabi Musa menampar malaikat. (Jurnal Studi Keislaman, Siti Mujibatun, *Paradigma Ulama Dalam Menentukan Kualitas Hadis dan Implikasinya Dalam Kehidupan Umat Islam*, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, Volume 14, Nombor 1, Jun 2014).

⁸ Abū Amru Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān Ibn Ṣalāḥ, *Adāb al-Muftī wa al-Mustafī* (Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1986), hlm. 111.



mensyarahkan hadith-hadith di dalamnya, memperincikan perawi-perawi, menjelaskan kekeliruan dan kritikan yang dilemparkan terhadap dua kitab saih ini.

Penggunaan hadith sebagai medium sandaran hujah bagi mengaplikasikan teori dan kefahaman terhadap agama menggambarkan betapa nilai-nilai hadith Nabi s.a.w itu mempunyai ketinggian dan kekuatannya, khususnya dalam mengangkat dan mengamalkan sunnah yang sebenar dari Nabi s.a.w. Namun semua hadith dari sunnah s.a.w yang diadaptasi melalui jalannya mestilah mengikut disiplin penukilan hadith, antaranya perkara penting hadith itu perlu dianalisis sehingga dapat dikenalpasti sumber autentik sesuatu hadith telah dinyatakan babnya, kitab dan nombor hadithnya, ataupun status darjatnya, sumber ambilannya dan sehingga akhirnya menemukan *istinbāt* hukum yang bersifat *Qat’ie*⁹.

Sahih Bukhari adalah di antara kitab utama yang mengumpulkan hadith-hadith sahih dan selepas kedudukan itu ialah hadith Muslim. Perkara ini telah disepakati oleh para Ulama Hadith. Ibn al-Salah¹⁰ di dalam kitab *Muqaddimahnya* telah menyebutkan

⁹ Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman & Faisal Ahmad Shah, Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011) 207-208.

¹⁰ Nama beliau Taqiyuddin Abi Amr Uthman bin al-Mufti Abdul Rahman Salahuddin bin Uthman bin Musa al-Kurdi al-Syahzuri al-Syafi'i. Beliau lahir pada tahun 557H di Syarkhan Utara Iraq dan Ibn Salah adalah nisbah beliau kepada bapanya iaitu Salahuddin. Antara guru-guru beliau ialah Salahuddin Abdul Rahman bin Uthman (bapanya), Imaduddin bin Ali al-Mushili, Abdul Muhsin bin al-Thusi, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah. Manakala antara murid-muridnya ialah Fakhruddin Umar al-Kurkhi, Syeikh Tajuddin Abdul Rahman, al-Khatib Syarafuddin al-Farawi dan Muhammad bin Hasan al-Armawi. Imam al-Zahabi telah memuji beliau iaitu : "Al-Imam, al-Mufti, Syeikhul Islam Taqiyuddin Abu Amr" dan Imam al-Sakhawi juga telah berkata: "Beliau ialah Imam, mahir, hujjah serta pakar di dalam hal-hal agama, mahir di dalam mazhab (syafi'e), wara' serta taqwa. Karya beliau ialah *al-AHadith al-Kuliyyah*, *Thabaqat Fuqaha' al-Syafi'iyyah*, *Ma'rifah Anwa' Ulum al-Hadith* (*Muqaddimah Ibn Salah*), *al-Fatawa*, *al-Mu'talaf wa al-Mukhtalaf fi Asma' al-Rijal* dan *al-Nukat ala al-Muhazzab*. Beliau wafat pada 25 Rabi'ul Akhir tahun 643H di Damsyik dan telah disemadikan di perkuburan al-Sufiyyah. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, hlm. 129).



bahawa orang pertama yang mengarang kitab sahih adalah al-Bukhari¹¹. Diakui juga oleh Al-Nawawi¹² di dalam kitabnya *Tadrib al-Rawi*¹³.

Berdasarkan pernyataan ini dan diakui fakta oleh pakar hadith seperti Ibn Kathir¹⁴, Ibn Hajar¹⁵, Al-Sakhawi¹⁶, Al-Iraqi¹⁷, Al-Suyuti¹⁸ dan ramai lagi. Sahih

¹¹ Ibn Hajar, *Al-Nukat ala Ibn Al-Salah*, 1417H.

¹² Nama beliau al-Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin Muri bin Hasan bin Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam al-Nawawi. Beliau dilahirkan bulan Muharram 631H di kota Nawa. Antara guru-guru beliau ialah Abu Ibrahim Ishaq bin Ahmad bin Usman al-Maghribi al-Dimasyqi, al-Qodhi Abu al-Fath Umar bin Bundar bin Umar bin Ali Muhammad al-Taflisi al-Syafi'i, Fakhruddin al-Maliki, al-Muhaqqiq Abu Ishak Ibrahim bin Isa al-Muradi al-Andalusia al-Syafi'i. Manakala antara murid-muridnya ialah Ala'uddin bin al-Athtar, al-Nadar Muhammad bin Abdil Khaliq bin Uthman bin Muzhir al-Anshari al-Dimasyqi al-Muqrī, al-Faqih al-Muqrī Abu al-Abbas Ahmad al-Dharir al-Wasithi. Manakala antara kitab-kitabnya ialah *Syarah Muslim* yang dinamakan *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim al-Hajjaj, Riyadh al-Salihin, al-Arbain al-Nawawi, al-Abrar al-Khyar fi Talkhish al-Da'awat wa al-Azkar, Raudh al-Thalibin, al-Minhaj, Thabaqat al-Fuqaha dan Tahrir al-Tanbih*. Beliau meninggal dunia pada 24 Rejab tahun 676H di Nawa, Syria. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, hlm. 154).

¹³ Al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi*, 1415H.

¹⁴ Nama beliau Abu al-Fida' 'Imad al-Din Ismail bin Umar bin Katsir bin Dhau' bin Katsir Zara' al-Qurasy al-Syafi'i. Beliau dilahirkan didesa Mijdal, Bashrah bahagian timur, pada tahun 700H bersamaan 1301M. Beliau wafat pada hari Khamis 26 Sya'ban 774H. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, 176).

¹⁵ Nama beliau ialah Syihabuddin Abu Fadl Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Ali bin Mahmud bin Ahmad (Hajar al-'Asqalani). Beliau dilahirkan di Kaherah pada 18 Februari 1449M bersamaan 12 Sya'ban 773H. Antara guru-guru beliau al-Zainu al-'Iraqi (805H), Al-Haitsami (807H), al-Majid al-Syairozi (817H) dan al-Muhib bin Hisyam (799H). Antara karya-karya beliau ialah *Nukhbah al-Fikr fi Musthalah ahl al-Asr, Nuzhah al-Nadhr fi taudhīh Nukhbah al-Fikr, Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, al-Istdirak al-Saikhī al-'Iraqī, Bulugh al-Maram, Taqrib al-Tahzib, Lisan al-Mizan, Tahdzib al-Tahdzib, al-Durar al-Kaminah*. Beliau wafat pada 852H. (Al-Suyuti, *al-Munjam fi al-Mu'jam*, hlm. 130).

¹⁶ Nama beliau ialah Abu al-Khair Syams al-Din Muhammad bin Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abu Bakr bin Uthman bin Muhammad al-Qahiri, al-Syafiee. Beliau dilahirkan di Kaherah pada 831H bersamaan 1428M. Beliau dikenali sebagai al-Sakhawi kerana keluarga beliau berasal dari Sakha, sebuah perkampungan di utara Kaherah. Beliau adalah merupakan seorang sejarawan yang hidup pada zaman Kesultanan Mamluk al-Jarakisah. Beliau juga merupakan penulis prolifik yang menghasilkan sekurang-kurangnya 270 buah karya dalam pelbagai bidang merangkumi Hadith, fiqh, sejarah dan lain-lain lagi. Antara karya beliau ialah *al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Syeikh al-Islam Ibn Hajar, al-Tuhfah al-Latifah fi Tarikh al-Madinah al-Syarifah, Irsyad al-Ghawi, Wajiz al-Kalam fi al-Zayl 'ala Duwal al-Islam, al-Zayl 'ala Raf'al-Isr*. Beliau wafat pada 28 Sya'ban 902H bersamaan 1 Mei 1496M ketika berumur 71 Tahun. Dikebumikan di Perkuburan Baqi' al-Gharqad, Madinah al-Munawwarah. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, hlm. 65).

¹⁷ Nama beliau ialah 'Abdul Rahim bin al-Husain bin 'Abdul Rahman bin Abi Bakr Ibrahim al-Kurdi al-Raziyani dan dilahirkan di kota Mahrn, Mesir pada tahun 725H. Antara guru-guru beliau adalah 'Ali bin Usman bin Ibrahim al-Almardini, Alauddin Abu Said Khalil bin Kaikludi bin 'Abdullahi al-'Alla'i, Jamaluddin Abu Muhammad 'Abdul Rahim bin Hasan bin 'Ali al-Asnawi. Manakala murid-muridnya ialah Burhanuddin Abu Ishaq Ibrahim bin Musa bin Ayyub al-Abnasi, Burhanuddin Abul Wafa' Ibrahim bin Muhammad bin Khalil al-Halabi, Waliyuddin Abu Zur'ah Ahmad bin 'Abdul Rahim bin al-Husain al-Iraqi, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad al-Kinani al-'Asqalani atau al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani. Antara karya beliau *al-Mughni 'an Hamli al-Ashfar fi al-Ashfar* yang merupakan kitab takhrij atas Hadith-Hadith yang ada dalam *Ihya' Ulumuddin, al-Marasil, Taqrib al-Isnad, al-*



Bukhari bukan sahaja kitab saih pertama yang ditulis malah dari sudut kedudukan juga adalah paling saih¹⁹.

Maka dengan sebab inilah, ulama bersepakat untuk menyatakan bahawa Sahih Bukhari adalah kitab yang paling saih dan Sahih Muslim selepasnya. Namun keduanya tidak terlepas daripada dinilai serta dikritik oleh para ulama yang datang kemudian daripada zamannya seperti Al-Daraqutni²⁰. Perkara ini dizahirkan oleh Ibn Al-Salah di dalam kitabnya ketika membahaskan tentang hadith saih. Ketika menerangkan kedudukan hadith saih, beliau telah menyatakan bahawa hadith yang paling saih berada di kedudukan teratas adalah hadith yang disepakati kesahihannya oleh dua imam besar iaitu Al-Bukhari dan Muslim (disebutkan sebagai “*Muttafaq ‘alaih*”).

Namun, terdapat juga hadith-hadith dari saih Al-Bukhari dan Muslim dikritik hebat dari golongan kontemporari. Kritikan tersebut tidak sedikit pun menjaskannya

Afiyah fi Gharib al-Quran, al-Tafsir wa al-Idhah fi Mustalah al-Hadith dan *Syarh al-Tirmizi*. Beliau wafat pada tahun 806H. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, hlm. 193).

¹⁸ Nama beliau ialah Al-Hafiz Jalal al-Din Abu al-Fadl Abdul Rahman Ibn Abu Bakar Ibn Muhammad al-Suyuti. Beliau dilahirkan di Mesir pada tahun 849H dan wafat pada tahun 911H, tahun kematiannya berbeza dengan tahun kematiannya yang dicatat dalam kitab *Al-Futuhat al-Ilahiyyah* oleh Sulaiman bin Umar al-Jamal di mana tahun kematiannya beliau pada tahun 913H. Antara karya beliau ialah *Tafsir al-Jalalain* Imam al-Suyuti. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, hlm. 88).

¹⁹ Kertas kerja, “Kekeliruan dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal”, Ahmad Sanusi bin Azmi, Zulhilmi bin Mohamed Nor dan Mohd Norzi bin Nasir. <http://www.researchgate.net/publication/317931851> (bertarikh: 08 Jun 2021).

²⁰ Nama beliau ialah Abu al-Hasan Ali bin Umar bin Ahmad bin Mahdi bin Mas’ud bin al-Nu’man bin Dinar bin Abdullah al-Baghdaadi al-Daruqutni. Beliau dilahirkan di Dar al-Quthn Bagdad Iraq pada tahun 306H dan wafat pada tahun 385H umurnya 79 tahun. Antara guru-guru beliau Abu al-Qasim Abdullah bin Muhammad bin Abdul Aziz bin al-Marzaban al-Baghawi, Al-Imam al-Muqri al-Nahwi, Syeikh al-Muqriin, Abu Bakr Ahmad bin Musa bin Ibn al-Abbas bin Mujahid al-Baghdaadi, al-Imam Zu al-Funun Abu bakar bin al-Qasim bin Basyar bin Al-Albari. Antara karya beliau ialah *Al-Mujtana mih al-Sunan al-Matsurah ‘an al-Nabi saw Minha fi Al-Faziha seudah dikenali Sunan al-Daruqutni, Sunan fi al-Hadith Gharib al-Lughah, al-Tashif fi al-Hadith*. (Mahayudin Hj. Yahya, (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, hlm. 158).



kredibilitinya sebagai kitab hadith yang paling sahih. Kritikan mereka terhadap rangkaian perawi bagi sesuatu hadith iaitu sanad dan teks sesuatu hadith iaitu matan.

Berhubung perkara ini, beberapa faktor seperti fanatik mazhab dan taasub pada sesuatu pandangan adalah faktor menyumbang pada perpecahan. Al-Qaradawi²¹ menekankan di dalam nukilannya: “Sesiapa yang taasub kepada orang-orang tertentu dari kalangan Imam dan tidak mahu mengikut selain daripada itu, dia adalah seperti seorang yang melampau kepada seseorang sahabat Nabi dan tidak mahu menerima sahabat-sahabat yang lain. Dia sama kumpulan syiah yang melampau kepada Ali dan menolak ketiga khalifah yang lain sebahagian sahabat yang besar, atau seperti orang-orang Khawarij yang mengecam Uthman dan Ali. Sikap seperti ini adalah sikap ahli-ahli bidaah dan pengikut hawa nafsu yang dikecam oleh al-Quran, sunnah dan ijmak ulama”²².



Dalam penelitian, penemuan pengkaji dalam isu yang berkaitan tajuk kajian ada beberapa contoh hadith. Hadith-hadith seperti berikut:

²¹ Nama beliau ialah Yusuf bin ‘Abdullah bin ‘Alī bin Yusuf. Dilahirkan pada tahun 1926 di sebuah perkampungan Desa Shafat al-Turab, Mahallah al-Kubra, Gharbiah, Mesir. Beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar dalam kuliah Usuluddin dan seterusnya beliau masih memilih Universiti Al-Azhar sebagai tempat untuk menyambung pengajiannya walaupun juga beliau juga ditawarkan ke Dār al-Ulum Kaherah. Pada tahun 1973 beliau menyelesaikan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah (PhD). Guru-guru beliau Syeikh Hamid Abu Zuhail, Syeikh Ali Khalil, Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya’rawi, syeikh Sayyid Sabiq dan ramai lagi. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah Presiden Al-Ittihad-al-Alami li-Ulama’ Muslimin (Kesatuan Ulama’ Islam Sedunia), Penasihat dalam majalah Mua’sir, Islamiyyat al-Ma’rifat dan Jurnal Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar, Pengarah Lembaga Pengawasan Syariah Bank Islam di Qatar dan Bank al-Taqwa di Switzerland. Buku-buku beliau seperti Al-Halal wa al-Haram fi Islam, Fatawa Mu’asarah 2 jilid, Fiqh al-Zakat 2 Jilid, Kayfa nata’amal ma’a al-Sunnah al-Nabawiyyah, Al-Iman bi al-Qadr dan banyak lagi. (Lihat: *Biografi Tokoh Dakwah: Dr Yusuf al-Qaradawi*, Mohamad Kamil Ab Majid, Mat Zain Ab Ghani, Mohamad Zaidi Abdul Rahman, (ISBN: 9789834605964), (2015), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 5).

²² Yusuf Al-Qaradawi, *Al-Sahwatul Islamiah Baina Ikhtilaf al-Masyruk wa al-Tafarruq al-Mazmum*, (1995), Musassah al-Risalah, Amman, Jordan, hlm. 79.



a. Hadith yang diriwayatkan dari Abū Sa‘īd al-Khudrī ra:

عن بلئي سعيده لخدرى رضي الله عنه أنَّ رجلاً ثُنى للفقيه صرط عيللاً ثُنيه و سهل فرقاً: أخْيَيْشِنْكِي بَطْهْ هَفْقَهْ: (لَرْقَهْ هَعْنَالْ) ثَمَّ ثَنْاهَ لِثَنْاهِي هَفْقَهْ: (لَرْقَهْ هَعْنَالْ) ثَمَّ ثَنْاهَ لِثَلَثْ هَفْقَهْ: (لَرْقَهْ هَعْنَالْ) ثَمَّ ثَنْاهَ فَهَقَهْ فَهَقَهْ: هَصْ دَقْلَالْ وَكَذِبْ بَطْنَ أَخْجِيَكَ، لَرْقَهْ هَعْنَالْ فَسْقَ اَفْبِرَأَ.

Maksud hadith: *Daripada Abu Said Al-Khudri r.a. yang menceritakan: Seorang lelaki datang bertemu Nabi s.a.w. lalu berkata: Saudaraku mengadu perutnya sakit. Nabi berkata: "Berilah dia minum madu". Lelaki itu pun memberi saudaranya madu. Namun kemudiannya dia datang kali kedua (mengadu lagi kerana perut saudaranya belum sembuh). Nabi bersabda lagi: "Berilah dia minum madu". Dia datang lagi kali ketiga. Nabi tetap bersabda: "Berilah dia minum madu". Dia datang lagi dan berkata: Telah aku lakukan, Nabi bersabda: "Allah adalah benar²³, namun perut saudara kamu lah yang berdusta, beri lagi dia minum madu". Dia pun memberinya lagi, akhirnya sembuhlah saudaranya itu.²⁴*

Di sini pengkaji mendapati bahawa Niyazi ‘Izzuddin dari kalangan tokoh kontemporari *inkār hādīth* atau anti hadith telah mengkritik dan menimbulkan

keraguan kepada hadith yang telah diriwayatkan oleh Rasulullah saw. Beliau berkata hadith ini jauh terpesong daripada ilmu sains dan logik akal serta Rasulullah saw telah diutuskan oleh Allah swt bukan sebagai seorang doktor perubatan²⁵. Oleh itu, pengkaji akan menjawab kritikan ini kerana bimbang umat Islam akan terkeliru pada kritikan itu dan seolah-olah logik diterima akal hadith tersebut.

²³ Ucapan Nabi s.a.w. “صَدِقَ اللَّهُ أَنْهُ إِنَّمَا يَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ” adalah merujuk kepada firman Allah di dalam al-Quran:

بِهِمْ لَهُى مِنْ كُلِّ الْثَّمَرِ اتَّفَلَلَهُى سِيلِ رِيَكْ فَالِي خَرَجَ مِنْ بَطْنِ هَاشِرَابِ مَحْلِفِ لَلْوَلِ فِي مَشْفَاعِ اللَّهِ أَسْ إِنْقَيِ
فِي رِيَكْ لَهُى غَلَةٌ وَمَحْلِفَكَرْ وَزَنْ }

Maksud: {Kemudian makanlah daripada segala (jenis) buah-buahan lalu turutlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Daripada perut lebah itu keluar minuman (madu) yang pelbagai jenis warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berfikir}. (Surah al-Nahl, ayat 69). (Lihat: Syarah Muslim, Kitab al-Salam, Bab al-Tadawi bi sugo al-'asl, no. hadith 4107).

²⁴ Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari, Kitab al-Tib, Bab al-Dawa' bi al-'asl, no. 5684. Muslim, Kitab al-Salam, Bab al-Tadawi bi suqo al-'asl, no. hadith 4107.

²⁵ Niyāzī ‘Izzuddīn, *Dīn al-Sūlṭān*, Bīṣan Lināshri wa Tauzi’, Kaherah, 2002, hlm. 522.

b. Contoh Hadith Abu Hurairah r.a:

حِيَثُبْلَى هِيرَةً أَنَّهُي صَرِيلَلَى نَبِيِّهِ وَسِلْمَقَالَ :)) إِذَا قَعَ لَبَابَفِينَإَنَّهُي أَحَدَنَفَيْهِ مِنْهُلَفِينَهُي طَرَحَهُفَإِنَّهِي أَحَدَنَفَيْهِ اجِي شَفَاءَفِي الْأَخْرَدَاءِ().

Maksud hadith: “Dari Abu Hurairah ra bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila lalat termasuk ke dalam bekas (minuman) salah seorang daripada kamu, maka rendamkanlah kesemuanya (lalat) kemudian buangnya. Ini kerana, salah satu daripada sayapnya adalah penawar dan sebelah lagi ada penyakit”.²⁶

Pengkaji mendapati hadith ini dikritik oleh Salih Abu Bakar²⁷. Menurut beliau, lalat adalah binatang yang kotor dan membawa bakteria dan kuman. Oleh itu, pengkaji akan menjawab kritikan menggunakan sumber ilmiah dan disokong dengan fakta sains moden.

c. Contoh Hadith Abu Hurairah r.a:

عَنْبَلَى هِيرَةَ رَضِيلَلَى عَنْهُي صَرِيلَلَى نَبِيِّهِ وَسِلْمَقَالَ : يَعِينُهُ رَجُلَفِينَهُي مِنَالرَّضِفِسِمَعَصَرَفِي سِحَبَهُ : مِنْقَحِيقَهُ فَالَّنْفَتَنَحَهُ لِكَالَّسَحَابَفَفَلَرَغَمَاءَفِي حَرَّهُبَإِذَاشَرَجَهُ مِنْنَلَكَالشَّرَاجَهُ مِنْنَوَعِتَهُ لِكَالَّمَاءَلَهُبَفَنَتَبَعَهُلَمَاءَهُفَإِذَا رَجَلَقَطَهُفِي حَقِيقَهُي حَوْلَلَمَاعِبَهُمْجَهَفَبِقَالَلَهُبِيَأَعْهَدَلَاهُمْكَ؟قَالَهُفَالَّنَلِإِلَهِمَلَذِي سِمَعَهُيالَّسَحَجَهَفَبِقَالَلَهُبِيَأَعْهَدَلَاهُمْكَلَهَنَلَهُي عنْمَلَهُمَيَفَقَالَهُفَلِي سِمَعَتَصَرَفِيالَّسَحَابَلَذِي هَذَا مَأْوِيَهِيَقَولَهُفَالَّنَلِإِلَهِمَلَذِي سِمَعَهُي حَجَيقَهُقَالَنَلِإِلَهِمَكَفَمَتَهَنَعَفِيَهَا؟قَالَهُفَأَمَّا إِذْقَلَتَهُذَافَلَرِيأَلَظَرَلَهُمَأَيْخَرَجَهُنَهُأَفَلَهُمْدَقَبَثَهُوكَلَنَأَوَعَجَلَيَهَنَثَأَوَأَرَهُي مَلَثَهُ{).

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan daripada Nabi SAW bersabda: “(Pada suatu hari) ketika seorang lelaki berada di sebuah tanah lapang yang sunyi, dia terdengar satu suara dari awan, “Siramlah air (hujan) kepada kebun si fulan itu!” Awan itu pun bergerak lalu mencurahkan airnya pada sebidang tanah yang berbatu hitam. Saluran air pada tanah tersebut kemudian menampung semua curahan air hujan (dan mengalirkannya ke suatu arah). Lelaki itu pun mengikuti air itu dan menemui seorang petani yang berdiri di kebunnya sedang mengubah aliran air dengan cangkulnya. Lelaki itu bertanya: “Wahai hamba Allah, siapa namamu?” Petani itu menjawab:

²⁶ Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab *al-Tibb*, Bab *Izā waka'a al-Zubab fi Innāk*, hlm 5782.

²⁷ Ṣāliḥ Abū Bakr, *Al-Adwā' al-Qurāniyah fi Iktisāh al-Aḥādīth al-Isrāiliyyah wa Tāthīr al-Bukhārī minhā*, Dār al-Salafiah Linṣhri wa Tauzi', Kaherah, 1973, hlm. 231.

“Nama saya fulan” iaitu nama yang baru didengarnya dari angkasa. Si petani bertanya kepadanya: “Wahai hamba Allah, mengapa anda tanyakan nama saya?” Kata lelaki itu, “Sebenarnya, sekejap tadi saya dengar satu suara dari awan yang baru menurunkan air ini. Suara itu berkata: “Siramilah air pada kebun si fulan!” menyebut nama anda. Apa yang anda buat dengan kebun ini?” Petani itu berkata: “Baiklah, kalau anda katakan begitu. Sebenarnya, saya selalu perhatikan apa yang keluar dari kebun ini, lalu saya sedekahkan 1/3 daripadanya, 1/3 berikutnya saya makan bersama keluarga saya, dan 1/3 lagi saya kembalikan (untuk modal cucuk tanam)”.²⁸

Pengkaji mendapati hadith ini telah dikritik oleh Abd al-Husain al-Musawi mengenai hukum adat perkara ini tidak mungkin berlaku dan menolak hukum fitrah yang difitrahkan alam ke atasnya. Menurutnya lagi hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra seperti kisah khayalan yang mendapat kebaikan disebabkan bersedekah²⁹.

d. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

عن رسول الله ﷺ قال : ((قال سليمان بن داود رضي الله عنه : "لطفن للهيله غنى بخطه امرأة أو تسع وتسعين ؛ لكن يئييفها رسبي حفيسي لعله فقيره صالحه : قال إن شاهيله "فلوميقول إن شاهيل افليمي حمل هن إل امرأة واحدة جاءت بشوق رجل ؛ ولذيفس محبه يديه؛ لوقال إن شاهيل الاجهاد فرسبي افلي افرسلاً أجمعون))

Hadith diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. daripada Rasulullah SAW bersabda: “Berkata Nabi Sulaiman bin Daud a.s.: “Aku akan mengelilingi 100 isteri pada malam ini, setiap isteriku akan melahirkan penunggang kuda yang berjihad di jalan Allah”. Sahabatnya mengingatkan baginda: “Sebutlah Insya Allah!” Tetapi Nabi Sulaiman a.s. tidak menyebutnya, maka tiada seorang pun yang melahirkan kecuali bayi yang jatuh satu sisinya. Sabda Nabi SAW: “Dengan jiwaku di dalam kekuasaan-Nya, jika Nabi Sulaiman menyebut Insya Allah nescaya semua zuriat-zuriatnya akan berjihad di jalan Allah”³⁰.

²⁸ Hadīth diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb Al-Zuhd wa Al-Raqāiq*, Bāb al-Ṣadoqah fi al-Masākin, no. hadith 2984.

²⁹ Abd al-Husain al-Musawi, *Abu Hurairah*, Dār al-Qāri, Iran, 1964, hlm. 29.

³⁰ Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, *Kitab al-Jihād wa al-Sīr*, bab ṭolab al-walad lil-jihād, jld. 3, hlm. 1038, no. hadith: 2664.

Di sini pengkaji mendapati bahawa Ismail al-Kurdī³¹ dari kalangan kontemporari tokoh mu'tazilah telah mengkritik secara agak keras dan boleh menghapuskan keyakinan umat Islam terhadap autoriti kesahihan hadith. Oleh itu, pengkaji akan menjawab kritikan ini kerana bimbang umat Islam akan percaya pada kritikan itu dan seolah-olah logik diterima akal hadith tersebut.

Sehubungan dengan itu, pengkaji akan membincangkan mengenai jawapan bagi menjawab kritikan-kritikan dari tokoh kontemporari dan Syiah pada masa kini. Penekanan pengkaji dalam meneliti dan memahami makna kritikan daripada tokoh-tokoh kontemporari seterusnya menganalisis kritikan berdasarkan metodologi dan logik berdasarkan kaedah-kaedah ulama hadith.

Semoga hasil penulisan kajian ini nanti dapat seperti menyumbang bakti dalam perkembangan dan mempertahankan hadith-hadith sahih daripada kitab hadith Bukhari dan Muslim. Tanpa hadith manusia tidak mungkin memahami ajaran Islam selengkapnya.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan metodologi perbezaan sahih al-Bukhari dan Muslim dengan tokoh kontemporari dalam mengkritik hadith.

³¹ Ismail al-Kurdī, *Nahwu Taf'īl Qawā'iḍ Naqd Matan al-Hadīth*, hlm. 187-188.



- ii. Mengkaji dan menghuraikan faktor yang menyebabkan tokoh kontemporari mengkritik hadith Bukhari dan Muslim berdasarkan kepada logik akal.
- iii. Menganalisis kritikan golongan tokoh kontemporari terhadap teks hadith al-Bukhari dan Muslim yang berkaitan dengan kesihatan dan menghuraikan jawapan bagi kritikan tersebut.
- iv. Menganalisis kritikan tokoh kontemporari terhadap hadith sahih al-Bukhari dan Muslim yang berkaitan dengan alam semesta dan penciptaan insan serta menghuraikan jawapan bagi kritikan tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada latarbelakang kajian dan permasalahan yang dijelaskan, maka kajian ini akan berusaha untuk menjawab sekaligus mencari penyelesaian kepada beberapa persoalan. Berikut adalah persoalan kajian bagi tujuan kajian ini:

Pertama: Apakah kedudukan metodologi dalam mengenal pasti penilaian dalam mengkritik hadith di antara sunni dan tokoh kontemporari? Persoalan ini penting bagi memberi penjelasan berkaitan metodologi penilaian hadith di antara sunni dan tokoh kontemporari dengan merujuk maklumat yang jelas.

Kedua: Apakah ada faktor yang menyebabkan tokoh kontemporari mengkritik hadith al-Bukhari dan Muslim yang berdasarkan kepada logik akal? Dengan merujuk kepada panduan yang dibina pada persoalan pertama, pengkaji akan mengenalpasti dan menganalisis beberapa aspek pada kritikan tokoh kontemporari dengan merujuk



kitab syarah hadith beserta kajian-kajian kontemporari yang signifikan untuk dijadikan rujukan.

Ketiga: Bagaimanakah menganalisis kritikan tokoh kontemporari terhadap hadith al-Bukhari dan Muslim yang berkaitan dengan kesihatan dan menghuraikan jawapan bagi kritikan-kritikan yang membimbangkan pada penerimaan masyarakat sekiranya kebenaran semacam logik? Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji akan mengumpul data dan menganalisa fakta serta membuat suatu penghuraian daripada kritikan untuk menjelaskan fakta-fakta yang kukuh.

Keempat: Bagaimanakah menganalisis kritikan tokoh kontemporari terhadap hadith al-Bukhari dan Muslim yang berkaitan dengan alam sekitar dan penciptaan insan dalam menghuraikan jawapan bagi kritikan-kritikan yang membimbangkan pada penerimaan masyarakat sekiranya kebenaran semacam logik? Pengkaji akan menganalisis jawapan kritikan-kritikan dari tokoh kontemporari ini berdasarkan fakta yang kukuh.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kritikan tokoh kontemporari terhadap hadith al-Bukhari dan Muslim mempunyai beberapa kepentingan. Penelitian dan kepentingan ini berkait rapat dengan matlamat utama mempelajari ilmu hadith, iaitu menetapkan kesahihan dan

kelemahan hadith³². Prihatin terhadap sanad dalam menyampaikan berita-berita atau hadith adalah suatu sunnah yang amat dituntut dan merupakan suatu syiar umat Islam. Oleh yang demikian wajiblah setiap muslim bersandarkan kepada sanad dalam menyampaikan hadith. Dalam bidang ilmu hadith, kepentingan sanad dan nilainya akan dapat dirasakan oleh orang yang mengkaji “rijal” sesebuah hadith setelah mengkjanya di dalam kitab-kitab yang menjelaskan. Kepentingannya adalah seiring dengan kepentingan mengetahui “ittisal” dan “inqita” sesebuah hadith itu. Kalau tidak demikian nescaya sukar atau mustahil untuk membezakan mana hadith yang sahih dan mana yang palsu dan akan beranilah para pendusta mereka-reka hadith³³.

Pengkaji juga ingin mengatakan ilmu kritik hadith ini adalah bersifat ijthadi sebagaimana ditegaskan oleh Ibn Taimiyyah (m 728H/ 1328M)³⁴ dan sebelum beliau ialah Al-Tirmizi (m 279M/ 892M)³⁵. Beliau secara jelas mengatakan bahawa ahli hadith sering berbeza pendapat dalam menilai status perawi sepertimana yang sering berlaku dalam pelbagai ilmu lainnya³⁶. Maksud zahir nukilan ini terlalu luas membuka peluang penyalahgunaan oleh sesetengah kalangan untuk melemahkan hadith yang telah disahihkan oleh ahli hadith ataupun sebaliknya. Justeru itu, perbezaan kritik hadith sejak dahulu hingga hari ini adalah satu faktor penting yang menyebabkan perbezaan pendapat antara pelbagai aliran dan mazhab.

³²Jalal al-Din al-Suyuti. *Tadrib al-Rawī fi Sharh Taqrīb al-Nawāwi* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2002), hlm. 25.

³³Mahmūd al-Tāḥḥān, *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsat al-Asānīd*, Riyāḍh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nasyr wa al-Tawzī, 1996, hlm. 139.

³⁴Ahmad bin ‘Abd al-Halim Ibn Taimiyyah al-Harrani, *Raf’ al-Malam ‘an al-A‘immah al-A‘lam* (Riyadh: al-Ri’asat al-Ammah li Idarat al-Buhut al-‘Ilmiyyah wa al-Ifta’ wa al-Da’wah wa al-Irshad, 1413H), hlm. 19.

³⁵ Beliau adalah Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah al-Tirmizi, salah seorang pakar Hadith yang disepakati ketokohnya dalam bidang kritik Hadith dan penilaian status perawi. Kitab beliau yang masyhur dengan sebutan Sunan al-Tirmizi membuktikan kepakaran beliau dalam ilmu ini. Untuk biografi ringkas beliau, lihat al-Dzahabi, *Tazkirah al-Huffaz*, jld. 2, hlm. 154.

³⁶ Abu al-Faraj ‘Abd al-Rahman bin Ahmad Ibn Rajab al-Hanbali. *Sharh ‘Ilal al-Tirmizi* (Riyadh: Dar al-Ata’, 2001), jld. 1, hlm. 321.

Mengetahui kepentingan ini pengkaji telah memilih tajuk ini berasaskan kepada beberapa implikasi dalam kajian ini. Ia sebagaimana berikut:

- i. Kajian ini diperlukan untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang aspek hadith yang telah dikritik oleh golongan kontemporari agar mereka tidak keliru bagi kegunaan dan kedudukan hadith tersebut. Pendedahan ini sangat penting agar masyarakat dapat mengenalpasti dan mengamalkan perkara yang sebenar menurut perspektif hadith Nabi s.a.w dan bukanlah sebagai ikut-ikutan sahaja.
- ii. Menjadi sumber rujukan penting kepada masyarakat apabila ada isu-isu yang berkaitan dengan tokoh seperti Bukhari dan Muslim yang telah diiktiraf sebagai tokoh hadith di dalam dunia ilmu. Dua tokoh imam ini telah banyak berjasa di dalam dunia Islam dalam mempertahankan agama Islam yang benar amnya dan khususnya pada ulum hadith Rasulullah saw. Oleh itu, mereka berdua menjadi sasaran musuh-musuh Islam. Pengkaji melihat pertembungan di antara golongan ahli hadith dan golongan kontemporari serta syiah mendorong pengkaji mengumpulkan dan mempertahankan hadith-hadith Bukhari dan Muslim yang telah dikritik. Pengkaji juga mencari dan mengemukakan penyelesaian dan jawapan berdasarkan sumber-sumber yang dihasilkan oleh ulama dahulu dan kini.
- iii. Pembinaan jawapan bagi kekeliruan yang mereka timbulkan terhadap hadith yang akan menjadi rujukan kepada masyarakat awam umumnya dan pelajar khasnya agar fakta yang terhasil benar-benar selari dengan prinsip dan nilai hadith sebagai rujukan kedua selepas al-Quran.
- iv. Membuka ruang kepada pembaca untuk berfikir tentang keceluaran metodologi tokoh kontemporari dalam penilaian hadith.

- v. Mempertahankan *sahihain* (al-Bukhari dan Muslim) yang telah disepakati sahih di sisi Ahli Sunnah.
- vi. Kajian penyelidikan ini akan menjadi salah satu pelengkap yang membuktikan sesungguhnya skop perbincangan hadith nabawi adalah luas dan pelbagai. Faktor-faktor inilah yang telah menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji lebih mendalam. Kajian ini juga akan didokumentasikan secara ilmiah supaya menjadi warisan dan sejarah kepada generasi akan datang.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan hadith-hadith sahih yang terdapat di dalam kitab sahih al-Bukhari dan sahih Muslim sahaja. Pengkaji akan mencari, mengumpulkan, menganalisis dan mengupas kekeliruan dan kritikan terhadap teks hadith-hadith yang dikritik oleh golongan kontemporari.

Golongan kontemporari hari ini telah menggunakan medium-medium baru seperti laman web, facebook, media sosial, jurnal, kitab untuk mengkritik dan terus mengelirukan dalam kesibukan masyarakat tanpa menyaring maklumat yang diterima. Disebabkan faktor ini, pengkaji mempunyai keterbatasan dalam kajian dan perlu menggali serta menilai setiap hadith yang dikritik dengan mengambil kira metodologi yang digunakan oleh golongan ini pada penulisan periwayatan hadith.

Sehubungan dengan itu, batasan kajian ini hanya memfokuskan kepada:

- i. Sahih al-Bukhari dan Muslim.
- ii. Kritikan tokoh kontemporari seperti aliran moden beraliran ahli sunnah wal jamaah seperti Muhammad Rashid Ridā dan Muhammad al-Ghazali manakala aliran moden beraliran mu'tazilah yang mengkritik ahli sunnah seperti Ismail al-Kurdi, Jawwad Afanah dan Samir Islambuli. Inkar hadith seperti Ahmad Subhi Mansur, Ahmad Amin, Niyazi Izz al-Din, Salih Abu Bakar, Zakaria Ozun dan Kassim Ahmad. Syiah seperti Jaafar al-Subhani, Mahmud Abu Rayyah dan Abd al-Husain Sharf al-Din al-Musawi al-Amili. Orientalis seperti Ignaz Goldziher dan Nadia Abbott.
- iii. Kritikan berdasarkan logik dengan dua tema kesihatan dan alam semesta. Hadith-hadith yang berkaitan kesihatan iaitu penyembuhan dan pencegahan penyakit. Manakala hadith-hadith yang berkaitan dengan alam semesta dan penciptaan insan serta sifat-sifatnya.

1.7 Tinjauan Kajian Lepas

Hasrat pengkaji menghasilkan kajian ini ialah untuk mewujudkan suatu kajian ilmiah yang mampu diketengahkan sebagai sebuah kesinambungan pengkajian kritikan dalam ilmu hadith di Malaysia. Pengkaji dapati belum ada kajian khusus berkenaan mengumpulkan dan mengalisis kritikan dari tokoh-tokoh masa kini terhadap hadith sahih al-Bukhari dan Muslim di Malaysia.

Pendedahan yang amat minima berkaitan tokoh-tokoh kontemporari yang mengkritik hadith al-Bukhari dan Muslim menyebabkan ramai kalangan ahli sunnah menyangka bahawa tradisi dan disiplin keilmuan mereka adalah sama serupa. Kajian ini akan cuba mengupas sejauh mana kebenaran kritikan tersebut dengan fokus pada penilitian teks hadith, disiplin hadith dan perkembangannya dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pengkaji berusaha menguasai secara menyeluruh kajian-kajian ulama hadith yang lampau untuk menjawab kritikan golongan kontemporari dalam kajian ini. Berikut beberapa kajian yang dikira berkaitan dengan skop kajian yang dijalankan:

1.7.1 *Al-Naqd* dalam Ilmu Mustalah Hadith

Istilah-istilah Hadith telah berkembang selari dengan perkembangan periwayatan Hadith dalam Islam. Perkara ini telah bermula semenjak kewafatan Nabi Muhammad saw lagi di mana orang Islam ketika itu sangat mengambil berat soal pengumpulan Hadith kerana mereka sangat khuatir ianya akan pudar begitu sahaja. Mereka telah memelihara, menghafal, menyebarkan serta memulakan proses pengumpulan dan penulisannya. Proses ini telah lahirnya dalam ilmu *mustalah Hadith* yang banyak seperti *ulum al-Hadith*, *usul al-Hadith*, *manahij muhaddithin*, *ilmu rijal Hadith*, dan *al-naqd Hadith* atau dikenali ilmu kritikan hadith.

Islam melarang sesebuah berita diterima secara sewenang-wenangnya tanpa ada asasnya bagi tujuan memastikan dan menguji sesuatu sanad atau matan adalah benar-benar daripada apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad saw sebagai

wahyu daripada Allah swt. Sesuatu ungkapan matan hadith diuji dan dinilai dalam perbincangan kritik matan sebelum diterima pakai dalam konsep keyakinan (aqidah) serta amalan dalam konteks keagamaan (ibadah) dan sebagainya bagi kehidupan seorang Muslim secara yakin.

Imam Ibn Kathir (w 774H) dalam tafsirnya, mentafsirkan ayat dalam surah al-Hujurat ayat ke-6 menyatakan; “Allah swt memerintahkan kita menyelidik dan meneliti perkhabaran yang dibawa oleh orang fasik untuk memastikan ketulenan berita yang diterima. Penelitian ini akan mengelakkan kita mengeluarkan hukum bersandarkan berita daripada orang yang berdusta atau pembohongan. Bertitik tolak daripada dalil ini sebahagian ulamak menolak periwayatan orang yang tidak diketahui latar belakangnya (مَوْلَ لِحَلْ) dengan andaian terdapat unsur fasik pada orang tersebut³⁷.

Kritik matan hadith telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w masih hidup di kalangan para sahabat bagi memastikan sesuatu maklumat itu betul atau salah dan akan dirujuk terus pada Nabi s.a.w. Seterusnya berkembang ketika zaman para sahabat, memastikan kesahihan sesuatu hadith yang diterima. Maka seterusnya berkembanglah ilmu *al-naqd Hadith* yang menjadi kunci dan mata rantai dalam ilmu periwayatan hadith.

Menurut Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah³⁸: “Sepertimana para ulama Hadith mengambil berat tentang analisis kritis terhadap sanad yang merupakan

³⁷ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, jld 4, hlm 170.

³⁸ Nama beliau Muhammad bin Muhammad bin Suwailim Abi Syahbah. Dikenali juga sebagai Abu Sadat. Dilahirkan di kampung Manyah Junah, Markas Dasuq cawangan Kafr al-Syeikh yang

analisis kritis luaran, mereka juga membuat analisa kritis terhadap matan (*textual criticism*) iaitu analisis kritis dalaman. Ini terbukti apabila mereka menjadikan salah satu tanda Hadith palsu ialah pencanggahan dengan *al-'Aqal* (akal), *al-Musyahadat* (perkara yang disaksi di alam nyata?) atau *Hiss* (perkara yang dikesan oleh pancaindera) sedangkan ia tidak mampu ditakwilkan dengan takwilan yang hampir dan mungkin. Dalam banyak keadaan yang mereka maksudkan ialah pencanggahan dengan Al-Quran, sunnah yang masyhur lagi sahih atau sejarah yang diketahui. Sedangkan ia tidak mampu untuk diselaraskan³⁹. Atas kekuatan ini Ibn Jauzi⁴⁰ (w 597 H) meletakkan garis panduan dalam menerima kesahihan sesuatu matan Hadith dengan ungkapan:

إذارأيٍت لِحَدِيثٍ يُبَيِّنُ لِلْعُقُولَ أَوْ يَخْلُفُ الْهُقُولَ أَوْ يَنْاقِضُ الصَّوْلَفَ اغْنَمْ أَنْهُ مَوْضُوعٌ



Maksudnya: “Apabila engkau melihat sebuah hadith menyalahi logik (akal atau pemikiran rasional), menyalahi manqul (al-Quran) dan bertentangan dengan usul-usul Islam maka ketahui ianya hadith yang palsu”⁴¹.

Kritik matan hadith membawa kepada kefahaman sekiranya sesuatu hadith yang telah disaring dan diselidik serta didapati sanad hadith tersebut adalah sahih

berdekatan dengan Sungai Nil, Mesir pada 25 Syawal 1332H bersamaan 15 September 1914M. Beliau telah menghembuskan nafas terakhir pada 5 Syawal 1403H bersamaan 15 Julai 1983M pada umurnya 79 tahun. Jenazah beliau disolatkan di Masjid Jami' al-Azhar oleh ramai ulama al-Azhar yang diimamkan oleh Syeikh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq. Beliau dikebumikan di Madinat Nasr, Kaherah. Karya beliau *al-Madkhal li Dirasah al-Quran al-Karim*, *al-Israiliyyat wa al-Maudhuat fi Kutub al-Tafsir*, *al-Wasit fi Ulum al-Hadith*, *Taufiq al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, *al-Mukhtar min Sahih Muslim* dan banyak lagi. (Biografi Syaikh 'Alī al-Sabūnī, www.digilib.uinsby.ac.id (diedit pada hari Rabu 17 Ogos 2022).

³⁹ Mohd Asri bin Zainul Abidin, Hadith Palsu Kesan Terhadap Imej Islam, 2007, Alaf 21 Sdn. Bhd. hlm. 20.

⁴⁰ Nama beliau ialah Abdul Rahman bin Abil Hasan Ali bin Muhammad bin Ubaidillah al-Qurasyi. Beliau lahir pada tahun 510H. Manakala beliau pada tahun 597H. Karya beliau ialah *Nawaasikhul Quran*, *Zaadul Masirfi 'Ilmit Tafsir, Dzammul Hawa*, *al-Maudhu'at, Nuzhatul A'yunan Nawazhir fi ilmi Wujuh wan Nazha ir* dan lain-lain lagi. Al-Dzahabi berkata: “Dia unggul dalam ilmu tafsir, nasihat dan sejarah, juga dalam ilmu Hadith, dia memiliki pengetahuan yang sempurna pada matan-matannya” (al-Zahabi, Muhammad bin Muhammad, *Siyar A'lam al-Nubala'*, jld. 8, hlm 365).

⁴¹ Al-Sayūṭī. *Tadrib al-Rawī fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, Tahkik: Muhammad Aimān bin Abdullāh al-Syibrāwī, 1989, Dār al-Hadīth, Kaherah, hlm. 5.



maka hadith tersebut masih tidak dapat diterima kesahihannya secara mutlak. Penerimaan sesuatu hadith secara mutlak hanya selepas hadith tersebut melalui dan lulus dalam proses kritik terhadap matan sebelum diterima pakai iaitu diamalkan dengan penuh yakin bahawa sesuatu maklumat yang diterima adalah bersumberkan kepada Rasulullah saw tanpa sebarang keraguan. Pernyataan ini membawa kepada kefahaman bahawa sesuatu hadith yang sahih sanad belum tentu sahih daripada sudut matan atau sesuatu matan perlu melalui proses kritik matan sebelum diterima pakai.

Oleh itu, atas dasar penetapan kritik matan yang digariskan oleh Ibn Jauzi dapatlah disimpulkan bahawa walaupun sesuatu hadith daripada jalur sanadnya sahih, iaanya mesti memenuhi sekurang-kurangnya kriteria berikut:

- i. Tidak menyalahi logik akal iaitu bercanggah dengan pemikiran yang rasional dan waras.
- ii. Tidak bencanggah dengan dalil-dalil Al-Quran atau nas-nas yang *qati'ie*.
- iii. Tidak berlawanan dengan usul-usul Islam yang diterima pakai umum.

Sebagai contoh sebuah buku yang ditulis oleh Abū Layth al-Khayrabādī bertajuk *Ittijahat fi Dirasatal-Sunnah: Qadimuhu Wa Hadithuha*. Dalam buku ini, beliau mengulas secara kritis aliran-aliran yang muncul dalam kajian hadith, aliran modernas, orientalis, aliran *Qur'aniyin* dan sebagainya. Perbincangan tentang metod kritik hadith tidak dijumpai sama sekali kerana kerangka penghujahan buku ini mengambil pendekatan usul fiqh bukan usul ḥadīth. Perkara tersebut sangat jelas daripada definisi Sunnah yang menjadi pilihan pengkaji buku ini.





Manakala dalam sebuah buku *Al-Sunnah wa Makānatihā fi al-Tasyrī' al-Islāmī* oleh Muṣṭafā al-Sibā'i adalah sebuah hasil karya penelitiannya beliau yang banyak mengkritik karya Ahmad Amin yang banyak menulis tentang kritikan hadith, namun ramai tokoh hadith yang menilai Ahmad Amin lebih berpihak kepada orientalis dan sebagai seorang tokoh yang ingkar hadith. Penulis buku ini menyatakan Ahmad Amin dinilai telah menyalahi kaedah yang umum digunakan oleh para ulama hadith terdahulu yang sering menjadi acuan para ulama sehingga sekarang.

Dalam sebuah artikel bertajuk *Metode Kritik Matan Muṣṭafā al-Sibā'i dalam Kitab Al-Sunnah wa Makanatuhā fi Al-Tasyrī' Al-Islāmī*. Penulis telah menelusuri dan menganalisis beberapa faktor kritikan metod golongan orientalis seperti Ahmad Amin yang telah memberikan keraguan dan menggunakan logik akal seperti boleh dilakukan ujikaji berkali-kali di makmal untuk membuktikan pendapat beliau.



Manakala *Difa' 'an al-Sunnah Warad Shubhah al-Mustasyriqīn wa al-Kitab al-Mu'āṣirīn* oleh Muhammad Abū Shahbah. Penulis cuba mengulas pemikiran dan sumbangan orientalis dalam neraca pembelajaran Hadith moden serta mempertahankan al-Sunnah dari kritikan. Penulis juga berusaha mengenalpasti metod kritikan yang telah menjadi pegangan airan tokoh moden yang mengamalkan pandangan skeptikal terhadap Hadith.

Seterusnya kitab *Mauqif al-Madrasah al-'Aqliah min al-Sunnah al-Nabawiyah* oleh Al-Amīn Al-Ṣādiq Al-Amīn. Penulis telah membentuk asas kepada sekolah atau pandangan fahaman moden dalam hadith berbanding dengan cara klasik. Penulis juga telah mencetuskan naratif-naratif moden dalam menafsirkan al-Sunnah





dan kadangkala mengelirukan dalam beberapa keadaan dengan percanggahan dan tidak ketidakkonsistenan dalam objektif.

Manakala jurnal golongan anti hadith seperti:

- i. *Golongan Anti Hadith: Isu dan Cabaran* oleh Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh, Azman Abdul Rahman⁴².
- ii. *Analisis Pemahaman Golongan Anti Hadith di Malaysia Terhadap Hadith* oleh Rosni bt Wazir, Abdul Mukti bin Baharudin, Zaidul Amin Suffian bin Ahmad, Mohd Norsi bin Nasir, Nor Asyikin bt Hasan Adali⁴³.
- iii. *Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia* oleh Darussamin⁴⁴.
- iv. Buku *Hadith Jawapan Kepada Pengkritik* oleh Kassim Ahmad⁴⁵.
- v. *Autoriti Hadith Menangani Gerakan Anti Hadith* oleh Ishak Hj Sulaiman⁴⁶.
Pengkaji juga menganalisis jurnal dari golongan orientalis iaitu:
 - i. *Pemikiran Orientalis Terhadap Kajian Tafsir Hadith* oleh Abdul Karim⁴⁷.
 - ii. *Pandangan Ali Mustafa Yaqub Tentang Kritik Orientalis Terhadap Hadith* oleh Impala Kurnia dan Istianah⁴⁸.

⁴² Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh, Azman Abdul Rahman. *Golongan Anti Hadith: Isu dan Cabaran*, E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 (e-ISBN 978-967-0850-04-0). 25 April 2016, Federal Hotel, Kuala Lumpur, MALAYSIA, Organized by **Hadith Researcr Institute (Institut Kajian Hadith-INHAD)**.

⁴³ Rosni bt Wazir, Abdul Mukti bin Baharudin, Zaidul Amin Suffian bin Ahmad, Mohd Norsi bin Nasir, Nor Asyikin bt Hasan Adali. *Analisis Pemahaman Golongan Anti Hadith di Malaysia Terhadap Hadith*, E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 (e-ISBN 978-967-0830-05-1). 25 April 2016, Federal Hotel, Kuala Lumpur, MALAYSIA, Organized by **Hadith Researcr Institute (Institut Kajian Hadith-INHAD)**.

⁴⁴ Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia oleh Darussamin. Vol 6, No 1 (2020): AL DIN Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan. Published 3 Jun 2020.

⁴⁵ Kassim Ahmad, (1992), *Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*. Media Indah Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

⁴⁶ Ishak Hj Sulaiman, (2001), *Autoriti Hadith Menangani Gerakan Anti Hadith*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁴⁷ Abdul Karim, *Pemikiran Orientalis Terhadap Kajian Tafsir Hadith*. Vol 7, No 2 (2013). ADDIN Media Dialektikallmu Islam, Kudus, Indonesia.



- iii. *Perspektif Orientalis Tentang Hadith Nabi: Telaah Kritis dan Implikasinya Terhadap Eksistensi dan Kehujjahannya* oleh Idr⁴⁹.

1.7.2 Penulisan Berkaitan Metodologi Kritikan Hadith

Kritik hadith merupakan satu usaha menentukan hadith itu sahih dengan hadith yang dhaif dan meneliti para periyatnya apakah dipercaya dan kuat ingatannya atau tidak. Kritik matan riwayat dan khabar telah berlaku di zaman nabi, namun ruang lingkupnya masih sangat terhad dan berbeza dengan kritik hadith pada masa kini.

Kritik matan hadith dalam kalangan sahabat sudah berlaku antara sahabat Nabi yang berani mengkritik sahabat yang lain ialah isteri nabi iaitu Aisyah rha. Menurut Badr al-Din al-Zarkasyi⁵⁰ (745h-793h) di dalam karya beliau *Al-Ijabah li Irad ma Astadrakathu 'Aisyah 'Ala al-Sahabah*, telah dapat mengumpulkan lebih daripada 80 riwayat hadith kritikan Aisyah terhadap para sahabat yang meriyatkan hadith yang dinilainya terdapat kesalahan dalam periyatan ataupun kekeliruan dalam memahami perkataan ataupun perbuatan nabi saw yang diriyatkan oleh sahabat beliau yang mendengar atau menyaksikan secara langsung⁵¹. Ini antara rujukan yang perlu diperhatikan dalam ilmu kritikan hadith.

⁴⁸ Impala Kurnia dan Istianah. *Pandangan Ali Mustafa Yaqub Tentang Kritik Orientalis Terhadap Hadith*, Vol 5 Bil 2 (2019), Riwayah: Jurnal Studi Hadis (ISSN 2460-755X eissn 2502-8839).

⁴⁹ Idrⁱ. *Perspektif Orientalis Tentang Hadith Nabi: Telaah Kritis dan Implikasinya Terhadap Eksistensi dan Kehujjahannya*, Al-Tahrir, Vol. 11, No. 1 Mei 2011: 199-216.

⁵⁰ Nama beliau ialah Muhammad bin Bahadur bin Abdullah Badruddin al-Zarkasyi. Beliau lahir pada tahun 745H di Mesir. Manakala beliau wafat pada bulan Rajab tahun 794M di kebumikan Qarafah Sughra. Antara karya beliau ialah *Tafsir al-Quran al-Azim*, *Kasyf al-Maāni*, *al-Ijabah li Irad ma Istadrakathu Aisyah ala al-Sahabah*, *al-Mukhtasar al-Hadith* banyak lagi. (Al-Zarkasyi. *Kitab al-Burhan fi 'Ulūm al-Qurān*, (1998), Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut: Lubnan).

⁵¹ Badr al-Din al-Zarkasyi, *Al-Ijabah li Irad ma Istadrakathu 'Aisyah 'ala Sahabah*, hlm. 37.

Manakala menurut Muhammad Mustafa al-Azami⁵² dalam bukunya *Studies in Hadith Methodology and Literature* adalah diharuskan kritik hadith dalam kategori pelbagai metodologi antaranya metod perbandingan untuk membuktikan ketelusan hadith, antara syaratnya:

- i. Membandingkan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh rawi-rawi pada masa yang berlainan.
- ii. Membandingkan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh rawi-rawi yang berasal dari seorang guru.
- iii. Membandingkan hadith yang diriwayatkan oleh sejumlah sahabat Nabi antara yang satu dengan yang lain.
- iv. Membandingkan antara hadith-hadith yang tertulis dalam buku dengan yang tertulis dalam dokumen yang lain atau dengan hafalan hadith.
- v. Membandingkan hadith dengan Al-Quran.

Golongan kontemporari juga mempunyai prinsip serta kriteria rasional dalam menerima atau menolak sesebuah riwayat. Mereka juga ada metodologi sendiri dalam menentukan ketulenan sesebuah hadith. Golongan ini mensasarkan kritikan terhadap sahib Al-Bukhari dan Muslim kerana kedua-dua kitab ini sahih dan diguna pakai oleh Ahli Sunnah wal Jamaah selepas al-Quran. Antara contoh kritikan daripada kontemporari seperti syiah terhadap *Al-Jami' Al-Musnad Al-Sahih al-Mukhtasar min*

⁵² Nama beliau ialah Muhammad Mustafa al-A'zami dilahirkan di Kota Mano India Utara pada tahun 1932M. Pendidikan beliau tahun 1952 di Colledge of Science di Deoband, seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar Kaherah dalam Fakulti Bahasa Arab jurusan tadrис (pengajaran) pada tahun 1955 mendapat ijazah al-Alimiyyah. Kemudian tahun 1964 sehingga 1966 melanjutkan pelajaran PhD di Universiti Cambridge UK dengan tajuk tesis “*Studies in Early Hadith Literature with A Critical Edition of Some Early Text*”. Metodologi Kritik Hadith: 1992. Beliau pernah mengajar di Fakulti Pasca Siswazah Universiti King 'Abd Aziz (kini Universiti Umm al-Qura) dan di Universiti Riyadh (kini Universiti King Saud). Beliau meninggal dunia pada 20 Disember di Riyadh, Arab Saudi. (Azami, Muhammad Muṣṭafā. *Studies in Early Hadīth Literature with a Critical Edition of Some Early Text*. Beirut: Al-Maktab al-Islami).

Umur Rasulullah saw wa Sunan ihi wa Ayyam ihi yang dikenali sebagai sahib Bukhari ialah:

- i. Nukilan riwayat Bukhari tiada melalui jalur para imam Syiah seperti Imam Hadi dan Imam Askari.
- ii. Lemah menyebutkan nama-nama perawi.
- iii. Riwayat Bukhari bertentangan dengan budaya dan ajaran Al-Quran, Rasulullah saw dan Ahlul Bayt.
- iv. Mengelirukan pemikiran, teologi, fikh dan menjatuhkan umat Islam demi budaya murni Islam.

Manakala pada awalnya sahib Bukhari telah mendapat kritikan oleh al-Daraqutni. Beliau menulis kitab khusus *al-Ilzamat wa al-Tatabbu'*. Beliau juga telah mengkritik hampir 200 hadith saih yang terdapat dalam sahib Bukhari. Tetapi karya al-Daraqutni ini telah dijawab oleh al-Nawawi dan Ibn Hajar dalam kitab *Hadī al-Sārī* dan *Fath al-Bārī*. Ini adalah contoh buku-buku yang akan digunakan pengkaji dalam merujuk dalam penulisan. Kritikan Al-Daraqutni berdasarkan ilmu disiplin kritik hadith, walaubagaimanapun mungkin natijah kritikannya kurang tepat tetapi metodologi yang beliau gunakan masih betul dan diterima.

1.7.3 Penulisan Berkaitan Kitab Sahih Bukhari dan Muslim

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengupas kedua-dua tokoh hadith ini dari sudut sejarah biografi dan keilmuannya, metodologi penulisan dan penyusunan kitab saih, pujian dan kritikan ulama terhadapnya. Al-Bukhari dan Muslim adalah tokoh yang



amat penting dalam ilmu hadith. Nama mereka berdua begitu sinonim dengan ilmu hadith. Bagaimanakah personaliti dan latar belakang tokoh ini yang sebenar? Kajian ini ingin menyelami persoalan ini.

Al-Bukhari dan Muslim merupakan salah seorang ulama yang memiliki keupayahan tinggi dan diakui kehebatan di dalam ilmunya. Mereka telah berusaha, mencerahkan tenaga, masa dan umur mereka di dalam memastikan hadith ini sampai kepada umat dalam keadaan yang sempurna dan terjaga. Mereka juga memastikan kesahihan dan keutuhan hadith Rasulullah saw. Sejauh manakah sumbangan mereka dalam bidang hadith? Kajian ini akan membincangkan secara terperinci dan akan mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab ulum al-hadith serta analisa pandangan ulama berkaitan dengannya. Antara kitab yang akan digunakan *Lisan al-Mizan*, *Tahzib al-Tahzib* dan *Taqrib al-Tahzib*, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, *Siyar A'lam al-Nubala'* oleh al-Dhahabi dan ditahqiq oleh Shu'ayb al-Arnaut, *Khulasah Tahdhib Tahdhib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal* al-Ansari, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* oleh Al-Nawawi.

Sepanjang penelitian dan bacaan penulis yang dilakukan, ada banyak kajian-kajian yang terdahulu berkaitan dengan kitab saih al-Bukhari dan Muslim. Kajian-kajian yang telah dijalankan ada banyak persamaan daripada aspek skop kajian. Walaupun begitu, adalah menjadi tanggungjawab penulis untuk menyenaraikan hasil kajian yang telah ditulis. Antaranya Ahmad Sanusi bin Azmi "Kekeliruan dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal"⁵³. Satu kajian ilmiah Fakulti

⁵³ Ahmad Sanusi bin Azmi; Zulhilmi bin Mohamed Nor; Mohd Norzi bin Nasir. *Kekeliruan dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal*. (2011) JURNAL HADIS (e-ISSN 2550-1585).





Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini memfokuskan kepada kekeliruan dan kritikan kepada sanad dan matan dalam Sahih al-Bukhari. Kesimpulan kajian ini mendapati kedudukan sahih al-Bukhari sebagai sumber asasi bagi hadith sahih tidak tergugat kerana semua kekeliruan dan kritikan telah dijustifikasikan.

Manakala Zulhilmi bin Mohamed Nor “*Ilmu Jarh wa al-Ta’wil: Tumpuan Terhadap Ketokohan Imam Al-Bukhari*”⁵⁴. Kajian ilmiah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini membincangkan ilmu *al-Jarh wa al-Ta’wil* dari sudut takrifan, sejarah kemunculan ilmu ini, kaedah-kaedah *al-Jarh wa al-Ta’wil*, lafaz-lafaznya serta kupasan berkaitan dengan ketokohan al-Imam al-Bukhari di dalam ilmu ini dengan melihat kepada pandangan ulama-ulama hadith yang lain, lafaz-lafaznya dan karyanya iaitu kitab *Tarikh al-Kabir*.

Selain itu, ada penulisan dari Mohd Murshidi bin Mohd Noor “*Kedudukan Imam al-Bukhari di sisi Mazhab al-Shafi’i*”⁵⁵. Kajian ilmiah Fakulti al-Quran dan al-Hadith Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya (UM). Kajian ini membincangkan mengenai kedudukan Imam al-Bukhari di sisi mazhab al-Shafi’i iaitu sama ada beliau sememangnya bermazhab al-Shafi’i atau tidak. Kesimpulan kajian ini beliau tidak cenderung kepada mana-mana mazhab dan pegangan beliau dalam berfatwa ialah kepada dalil-dalil yang *sahih* dan kuat untuk dijadikan *dalalah hukum*.

⁵⁴ Zulhilmi bin Mohamed Nor. *Ilmu Jarh wa al-Ta’wil: Tumpuan Terhadap Ketokohan Imam Al-Bukhari*. Bil: 3 ISSUE 1. (2012) Institut Kajian Hadis (INHAD) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), HADIS Jurnal Ilmiah Berimpak (Edisi Akhir Tahun), hlm. 71-87.

⁵⁵ Mohd Murshidi Mohd Noor; Ishak Sulaiman. *Kedudukan Imam al-Bukhari Di Sisi Mazhab al-Shafi’i*. Vol 7 ISSUE 1. (2009) Al-Bayan: Journal of al-Quran and al-Hadith. ISSN: 167-180.



Sementara itu, Faisal Ahmad Shah dan Mohamad Hasbullah Salim “*Pengaruh Sahih al-Bukhari Dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Dari Aspek Pengajaran, Penulisan dan Penterjemahan*”⁵⁶. Kajian ilmiah yang memfokuskan kepada perkembangan pengajian Sahih al-Bukhari di pusat pengajian pondok, madrasah, institut masjid dan surau dan pusat pengajian awam di Tanah Melayu.

Selain itu disertasi dari Engku Ibrahim bin Engku Ismail bertajuk “*Penelitian Terhadap Kontribusi Imam al-Bukhari dalam Bidang Hadith Dengan Memusatkan Perhatian Kepada Kitab al-Jami’ al-Sahih*”⁵⁷. Kajian ini membicarakan latarbelakang sejarah dan kebudayaan zaman pemerintahan Abbasiah antara tahun 194 hingga 256 Hijrah bersamaan 810 hingga 870 Masihi, iaitu tahun kehidupan al-Bukhari. Tinjauan di dalam kajiannya mengenai biografi Imam al-Bukhari, penelitian terhadap kitab Al-Jāmi’ al-Sahih dari pelbagai aspek seperti pandangan sarjana dan komentar terhadapnya serta hadith-hadithnya yang dikritik. Penulis juga telah menganalisis beberapa hadith yang dipilih dari berbagai bab untuk menunjukkan aspek dan ciri-ciri kesarjanaan Imam al-Bukhari sebagai seorang sarjana hadith yang agung.

Sesungguhnya terdapat beberapa buah buku dan kajian ilmiah atau jurnal telah diterbitkan mengupas sama ada berkisar tentang kritikan terhadap kitab saih al-Bukhari dan saih Muslim. Setiap ulama dan kitab yang ditulisnya tidak akan lari dari pujian dan kritikan dari ulama yang lain. Termasuklah kitab saih al-Bukhari dan Muslim. Para ulama telah sepakat tentang kesahihan dan kualiti hadith-hadith yang

⁵⁶ Faisal Ahmad Shah; Mohamad Hasbullah Salim. *Pengaruh Sahih al-Bukhari dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis dari Aspek Pengajaran, Penulisan dan Penterjemahan*. Vol 2 No 2. (2010) Jurnal Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan. Jil. 2 Bil. 2 (1-17). ISSN 1985-496X.

⁵⁷ Engku Ibrahim bin Engku Ismail. *Penelitian Terhadap Kontribusi Imam al-Bukhari dalam Bidang Hadith Dengan Memusatkan Perhatian Kepada Kitab al-Jami’ al-Sahih*. Disertasi Master. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya. Cetakan 1974.

termuat dalam kedua-dua kitab sahih ini. Namun sekarang, sebahagian ulama sudah melakukan kritikan dan penelitian ulang terhadap hadith-hadith yang ada dalam kedua-dua kitab sahih tersebut. Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas yang pengkaji telah nyatakan tadi, maka kajian ini harus dikaji untuk mendapat manfaat masyarakat supaya tidak terus keliru. Kajian juga untuk melengkapkan kajian yang telah di lakukan oleh para pengkaji terdahulu berkaitan dengan kritikan terhadap sahih Al-Bukhari dan Muslim.

1.8 Metodologi Kajian

Menurut dalam bahasa Melayu, metod ialah “cara melakukan sesuatu”, atau “buku pelajaran kaedah belajar”. Metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam suatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Dalam bahasa Arab moden pula, perkataan yang sama makna ialah *manhaj* yang didefinisikan sebagai “Jalan yang nyata (*al-tariq al-wadih*)”. Istilah ini selanjutnya digunakan dalam kajian-kajian hadith moden dengan makna yang lebih spesifik. Menurut Nur al-Din ‘Itr, metod atau *manhaj* ialah “Cara-cara (*turuq*) yang dilakukan oleh ahli hadith dalam meriwayatkan dan menyusun hadith, menyebutkan sanad-sanadnya, serta tujuan-tujuan fiqh dan teknikal sanad yang mereka isyaratkan”⁵⁸. Manakala ‘Ali al-Biqa‘i mendefinisikan *manhaj* sebagai “Kaedah-kaedah yang diamalkan oleh Ahli

⁵⁸ Lihat Nur al-Din ‘Itr. *Manahij al-Muhaddithin al-‘Ammah fi al-Riwayah wal Tasnif*. (Mesir: Dar al-Salam, 2014). 8-9.



Hadith dalam meriwayatkan, mengomentarikan dan menyusunkan hadith mengikut kriteria-kriteria tertentu”⁵⁹.

Kajian yang baik dapat dihasilkan dengan penggunaan bentuk penyelidikan yang sistematis dan sesuai. Penyelidikan perlu mengandungi reka bentuk, metode dan prosedur yang sesuai bagi menghasilkan kajian tersebut. Kajian yang akan dikaji oleh penulis adalah berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan fakta, pernyataan, maklumat, ulasan, ciri-ciri yang akan dicari dan dianalisis dengan pelbagai kaedah untuk menjelaskan sesuatu isu. Menurut Punch⁶⁰ penyelidikan kualitatif ialah penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor. Oleh itu, pengkaji akan mengumpulkan setiap data-data yang diperolehi dari kritikan golongan kontemporari untuk dikaji dan kenal pasti riwayatnya sehingga akhir nanti pengkaji akan membuat analisis dan menjawab tentang kritikan tehadap teks Hadith Bukhari dan Muslim.

Penyelidikan yang berbentuk kualitatif adalah jenis kajian yang menganalisis fakta-fakta yang tidak memerlukan kepada usaha pengiraan atau untuk mendapatkan statistik, sebagaimana yang diperlukan dalam analisis yang berbentuk kuantitatif⁶¹. Bentuk penyelidikan kualitatif ini lebih menumpukan kepada perbahasan terhadap isi kandungan dan maksud data⁶².

⁵⁹ ‘Ali Nayif al-Biqā‘i. *Manahij al-Muhaddithin al-‘Ammah wa al-Khassah: al-Sina‘ah al-Hadithiyyah*. (Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah, 2009). Hlm. 20.

⁶⁰ Punch, K.F. (2013). *Introduction to Social Research: Quantitative and Qualitative Approaches*. Sage. Hlm. 15.

⁶¹ Soetandyo Wignjosoebroto, “Pengolahan dan Analisis Data” dalam Koentjaraningrat, Ed, *Metod Penelitian Masyarakat* (Jakarta: P.T. Gramadipa, 1991), hlm. 269. Nama beliau ialah Keith F. Punch.

⁶² Sidi Gazalba, *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981), 128.



Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan kualitatif. Dalam menjalankan kajian ini pengkaji mengamalkan dua metod utama iaitu metod pengumpulan data dan metod penganalisisan data. Seterusnya dijelaskan dahulu mengenai metod pengumpulan data.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data ialah proses mendapatkan maklumat dan fakta secara tepat dari sudut objektiviti dan validasi. Metod ini dilaksanakan berdasarkan metod kajian perpustakaan atau kajian dokumentasi.

a. Metode Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan dikenali sebagai ulasan dan kajian *literature* ataupun sorotan *literature*. Ia juga dikenali sebagai kajian dokumentasi⁶³.

Penyelidikan perpustakaan merupakan kaedah utama yang diaplikasikan pengkaji di dalam usaha mendapatkan maklumat dan informasi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini meliputi aspek definisi dan metodologi ahli sunnah wal jamaah dan kontemporari seperti Syiah terhadap penilaian hadith Nabi s.a.w.

Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan *library research* untuk mendapatkan maklumat dan data daripada sumber-sumber berbentuk dokumentasi

⁶³ Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*, 2006, cet. 2, hlm. 35.

seperti buku-buku, hasil kajian yang lepas, tesis, disertasi, jurnal, kamus dan laman sesawang.

Maka pengkaji menetapkan beberapa metodologi dalam kajian berdasarkan perkara yang masih kurang pada kajian tinjauan lepas. Dalam penentuan subjek, pengkaji juga melihat dan meneliti beberapa kajian dan topik-topik yang berkaitan dengan tajuk pengkaji dan juga kajian-kajian ilmiah. Metodologi kajian dalam penulisan ini adalah metodologi golongan kontemporari yang berkaitan secara langsung dengan kritikan-kritikan terhadap teks hadith di dalam sahih al-Bukhari dan sahih Muslim.

Pengkaji telah merujuk di perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris.

b. Sumber Data

Sumber utama atau primer pengambilan data adalah daripada kitab hadith yang utama iaitu Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Kesahihan dan kebenarannya telah bersepakat majoriti ulama dunia terutama ulama hadith bahawa kedua-dua sahih itu dokumen berautoriti selepas al-Quran. Al-Quran bersifat mutlak kerana datangnya daripada Tuhan Maha Pencipta alam ini manakala hadith dari utusan-Nya.

Untuk kefahaman yang lebih baik dan mendalam mengenai hadith-hadith nabawi, kitab-kitab *syarah* hadith yang lain digunakan sebagai rujukan sekunder. Buku-buku lain juga yang berkaitan akan dirujuk. Untuk kefahaman lebih mendalam mengenai dan mengenal pasti kritikan syiah, buku-buku tempatan dan luar Negara, kertas-kertas persidangan dan kajian-kajian yang lalu digunakan sebagai rujukan. Buku-buku berkaitan sejarah dan kritikan Syiah yang seumpamanya juga diteliti.

c. Metode Penentuan Kajian

Metod penentuan kajian yang digunakan berupa kajian hadith berbentuk *mawdū’ī*, suatu kajian hadith berdasarkan kepada tema dan logik. Tema kajian yang dikaji ialah kritikan syiah terhadap hadith Bukhari dan Muslim berdasarkan logik. Hadith-hadith yang berkaitan dikritik dengan konsep dan penilaian yang tidak adil diperhati dan dikenalpasti daripada keseluruhan al-Quran. Selain proses pengumpulan data, segala data yang didapati juga perlu dikaji dan dianalisis untuk menghasilkan kajian yang baik.

1.8.2 Metode Menganalisis Data

Maklumat yang terkumpul akan disaring dan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan metod penganalisisan data yang berikut:

a. Metod Induktif dan Deduktif

Maklumat dan data yang diperolehi perlu dilihat dengan terperinci dan teliti. Metod pola kritikan yang digunakan adalah sama ada metod induktif atau deduktif.

Deskriptif digunakan ketika membicarakan tentang kedudukan sahih al-Bukhari dan Muslim. Dijelaskan berkenaan metod induktif terlebih dahulu.

Metod induktif merupakan proses membuat kesimpulan dari maklumat khusus kepada umum. Metod ini juga bermaksud proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus⁶⁴. Manakala Idris Awang berpandangan metod induktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan menaganalisis maklumat dan informasi yang bersifat khusus atau terperinci untuk sampai kepada suatu kenyataan yang umum⁶⁵. Metod induktif digunakan dalam:

- i. Analisis motif kritikan kontemporari.
- ii. Analisis kritikan kontemporari dan jawapan terhadap kritikan tersebut.

Metod deduktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Manakala metod deduktif adalah bentuk pola berfikir melibatkan pembuktian dengan pernyataan atau hal-hal yang bersifat umum dan ia dibuktikan dengan hujah atau dalil yang bersifat khusus⁶⁶. Metod ini mengemukakan suatu pernyataan dan memberi bukti-bukti yang boleh dijadikan hujah dan panduan masalah yang dikaji. Melalui proses deduktif kesimpulan atau rumusan dibuat dari maklumat atau fakta yang ada. Metod ini akan digunakan ketika mentakhrij hadith-hadith dan meneliti status riwayat hadith.

⁶⁴ Sidek Mohd Noah, Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah Teori dan Praktis (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2002) hlm. 6.

⁶⁵ Idris Awang, Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), hlm. 82.

⁶⁶ Ibid, 83.

b. Metod Komparatif

Metod komparatif ialah satu cara membuat kesimpulan dengan cara melakukan perbandingan terhadap segala fakta yang diperolehi. Pengkaji membandingkan data-data yang terkumpul untuk membuat kesimpulan yang menyeluruh.

Analisis data adalah sesuatu yang amat penting dalam sesebuah kajian yang sedang dilakukan. Dalam kajian ini data yang digunakan adalah kritikan-kritikan terhadap teks hadith yang telah dikumpulkan dan dinilai untuk dipertahankan. Banyak faktor yang dianggap penyumbang kepada kelahiran kritikan kontemporari ini di antaranya faktor politik, agama dan mazhab.

Data yang dianalisis dua kitab hadith saih Bukhari dan Muslim. Pengkaji melihat dan menganalisis setiap teks hadith yang dikritik oleh Syiah. Daripada penilaian tersebut, maka pengkaji melihat analisis ulama di dalam kitab-kitab yang telah dijumpai.

Dalam kajian ini, pengkaji mempraktikkan metod komparatif ketika perbandingan ilmu hadith di sisi Sunni dan kontemporari. Seterusnya ketika membandingkan pandangan ulama dalam menghuraikan maksud matan hadith.

c. Metod Analisis Dokumen

Selain itu juga, pengkaji menggunakan metod analisis dokumen pada kajian ini. Dokumen ialah bahan-bahan bertulis termasuk gambar, potret, kumpulan hukum atau undang-undang dan peraturan, keputusan pengadilan⁶⁷.

Metod ini bertujuan untuk mengumpulkan data-data dan fakta-fakta yang ada hubungan dengan kajian yang dilakukan. Oleh itu, data primer dan data sekunder adalah dua bahagian dalam mengumpulkan data-data ini. Data primer pada kajian ini pengkaji menumpukan pada kitab Bukhari dan Muslim. Manakala data kedua atau sekunder, pengkaji menekankan pada kajian kritikan-kritikan kontemporari yang ditulis para ulama pada kitabnya. Selain itu, pengkaji membuat penilaian dan perbandingan tentang pandangan-pandangan ulama yang ada di dalam kitab seperti *al-'Aqlaniyyun al-Mu'asiruun wa AHadith al-Sahihain* yang ditulis oleh Muhammad bin Zafir Abdullah al-Syahri al-Jinsiah manakala dari penyelidikan tesis PhD iaitu *Rod al-Syubhaat Haula Ishmatu Nabi saw* yang dikaji dan ditulis oleh 'Imad al-Said al-Syarbini.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua kitab utama iaitu kitab *sahihain* al-Bukhari dan Muslim. Manakala kitab *al-'Aqlaniyyun al-Mu'asiruun wa AHadith al-Sahihain, al-Mufassal fi al-Rod ala Syubhat 'A'daa al-Islam, Tou'n al-Mu'aasirrin fi Ahadith al-Shahihain al-Khassah bi Asbab al-Nuzul wa al-Tafsir bi da'wa Mukhalafah al-Quran: Dirasat Naqdiyah*, akan digunakan kerana kitab ini ada mengumpulkan kritikan teks hadith al-Bukhari dan Muslim.

⁶⁷ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIK-IKP, hlm. 51.

Di samping itu pengkaji akan menghuraikan pemikiran kontemporari seperti Syiah mengenai hadith dengan menggunakan kitab hadith mereka seperti *Al-Kutub al-Arba'ah* iaitu *al-Kafi* oleh Abu Jaa'far Muhammad bin Ya'qub al-Kulaini, *al-Istibshar* dan *al-Tahzib* oleh Muhammad bin Hassan al-Thusi, *al-Qarni* oleh Muhammad Babawaih. Inilah antara sampel kajian yang ada.

1.9 Definisi Istilah/ Pengertian Tajuk

Tajuk yang dipilih pengkaji ialah “**Analisis Kritikan Tokoh Kontemporari Yang Mengkritik Berdasarkan Logik Terhadap Hadith Bukhari dan Muslim**”.

Untuk menjelaskan lagi maksud kajian ini, dihuraikan setiap patah perkataan yang digunakan dalam tajuk kajian ini. Berikut ialah huraian deskripsi tajuk kajian:

- i. **Analisis:** Penyelidikan atau penghuraian sesuatu keadaan, masalah dan persoalan untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam⁶⁸.
- ii. **Kritikan:** Kritik daripada sudut bahasa mengandungi dua makna:
 - (1) Analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera dan sebagainya.
 - (2) Teguran keras, kecaman dan bidasan⁶⁹.

⁶⁸ NORAESAH, Kamus Dewan, Edisi keempat, Hlm. 93.

⁶⁹ Ibid. hlm. 712, entri “kritik”.

Mengikut makna yang pertama, perkataan “mengkritik” bermakna membuat analisis dan penilaian tentang karya seni, sastera dan sebagainya. Adapun mengikut makna yang kedua, mengkritik bermakna memperkatakan atau mengulas keburukan dan kelebihan sesuatu ataupun seseorang. Dalam kajian ini, istilah kritik digunakan dengan makna yang merujuk kepada makna yang pertama, iaitu analisis dan penilaian terhadap sesuatu riwayat. Perkataan ini bermaksud dengan kalimat *naqd* dalam bahasa Arab yang bermaksud “memisahkan (wang) asli daripada yang palsu”. Makna perkataan ini terus berkembang dan digunakan untuk setiap aktiviti yang bertujuan untuk memastikan ketulenan sesuatu benda⁷⁰.

Manakala dalam bahasa Inggeris, perkataan *critical* berasal dari perbuatan atau *verb to criticise* yang bermaksud:

- (1) *to say that you disapprove of somebody or something; to say what you do not like or think is wrong about somebody or something; to say what you do not like or think is wrong about somebody or something;*
- (2) *to judge the good and bad qualities of something*⁷¹.

Ungkapan *critical* berupa bentuk *adjective* atau kata sifat. Ia boleh memberi makna:

- (1) *Expressing disapproval-expressing disapproval of somebody or something and saying what you think is bad about them;*
- (2) *Important or crucial or essential;*
- (3) *Serious or dangerous;*

⁷⁰ Jamal al- Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir, 1955. 3:425-427, entri “naqd”.

⁷¹ A.S Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (Ed., Oxford University Press, 2005), 349.

- (4) *Making careful judgements-involving making fair, careful judgements about the good and bad qualities of somebody or something, dan*
- (5) *Of art, music, books, etc. – (only before noun) according to the judgement of critics of art, music, literature, etc*⁷².

Pengkaji merumuskan maksud kritikal dalam istilah English di atas ialah kritik memperkatakan perkara-perkara tidak elok berkenaan orang lain dan menilai semula sama ada baik atau buruk sesuatu perkara. Menyatakan ketidaksetujuan dan juga apa yang terfikir berkenaan perkara buruk, perkara bahaya, perkara serius tentang mereka. Maksud kritik juga membuat pertimbangan yang teliti agar mendapatkan keadilan.

Manakala dalam istilah bahasa arab pula **نقدي (Naqdī)** berasal dari kata kerja



atau sumpik, berbicara, berbahas, periksa, selidik dan mengkritik⁷³.

Manakala **نقدي (Naqdī)** bermaksud *critical*, yang diterjemahkan sebagai kritis dalam Melayu.

Berdasarkan deskripsi tajuk di atas, kajian ini membincangkan aspek-aspek berikut:

⁷² Ibid, 348.

⁷³ Rūhī & Munīr al-Ba‘albakī, *al-Mawrid al-Wasīt Mazdūj* (cet. Ke-7, Bayrūt, Lubnān: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 2002), 770.

a. Perkataan Kritikan.

- i. Kritikan tokoh kontemporari terhadap hadith Bukhari dan Muslim.
- ii. Fokus utama perbincangan tertumpu kepada analisis wacana dan kritis.

b. Tokoh:

Orang kenamaan dalam apa-apa bidang seperti bidang politik, kebudayaan, agama, masyarakat dan lain-lain lagi atau orang yang terkemuka.

c. Kontemporari:

Pada masa yang sama atau semasa atau sesama dengan seseorang atau sesuatu pada masa kini pelbagai aliran⁷⁴. Dalam kajian-kajian hadith moden, perkataan kontemporari (*mu'āsarah*) atau semasa telah menjadi istilah tersendiri yang merujuk kepada tempoh masa yang spesifik. Menurut Muhammad 'Abd al-Razzāq Aswad, perbincangan tentang penentuan tempoh masa yang tepat bagi istilah ini dipengaruhi unsur-unsur subjektif sehingga melahirkan beberapa definisi yang berbeza mengikut kecenderungan setiap pengkaji. Aswad juga berpandangan bahawa istilah *mu'āsarah* merujuk kepada tempoh masa yang berlangsung pada awal suku kedua abad 14 hijrah hingga hari ini (bersamaan dengan awal abad 20 hingga awal abad 21 masih). Menurut beliau lagi, pada tempoh masa itu telah berlaku polarisasi aliran-aliran pemikiran semasa yang bersamaan dengan keruntuhan kekhilafahan Turki Othmani⁷⁵. Penggunaan perkataan kontemporari dalam kajian ini merujuk kepada makna tersebut.

⁷⁴ Aliran bermaksud pada istilah yang merujuk kepada haluan pemikiran atau mazhab. Padanan perkataan ini dalam bahasa Arab Moden ialah al-Ittijāh, al-Mazhab, al-Madrasah dan al-madrasah al-Fikriyyah.

⁷⁵ Muhammad 'Abd al-Razzāq Aswad, *al-Ittijāhāt al-Mua'āsarah fī Dirāsāt al-Sunnah al-Nabawiyah fī Miṣr wa Bilād al-Shām* (Damsyik: Dar al-Kalim al-Tayyib, 2008), hlm. 32-33.

Menurut Aswad pengkategorian seorang tokoh ke dalam salah satu aliran atau mazhab atau pemikiran ditentukan mengikut kesesuaian pandangannya dengan asas-asas metodologi dan pandangan-pandangan terpenting yang membezakan aliran tersebut dengan aliran-aliran lainnya. Kesesuaian satu atau dua pandangan sahaja tidak melayakkan beliau untuk dinisbahkan kepada aliran tersebut⁷⁶.

Berasaskan teori Aswad ini, pengkaji menisbahkan seseorang tokoh kepada salah satu aliran selepas memastikan dengan salah satu daripada tiga perkara iaitu pengakuan tokoh itu sendiri, ketetapan pengkaji lepas atau mendapati pandangan peribadi beliau selari dengan prinsip-prinsip yang menjadi pegangan salah satu aliran. Pengkaji menumpukan dalam kajian ini kepada tokoh aliran moden seperti Muhammad Rasyid Redha dan Ahmad Amin. Tokoh aliran Mu'tazilah seperti Ismail Al-Kurdī, Jawād 'Afānah dan Sāmer Islāmbūlī. Tokoh anti Hadith Ahmad Şuhī Mansor, Niyāzī 'Izzu Al-Dīn, Ṣāliḥ Abū Bakar Zakariya Ozon dan Kassim Ahmad. Tokoh Syiah seperti Jaafar al-Subhānī, Muhammad Sadiq al-Najmī, Hasyim Ma'arof al-Husainī, Maḥmūd Abū Rayah dan Abd al-Hussain Syaraf Al-Dīn Al-Musawī Al-'Āmilī. Aliran orientalis seperti Fatima Mernissi. Biografi mereka akan dibincangkan pada bab seterusnya.

Justifikasi pengkaji dalam pemilihan tokoh kentemporari adalah pertama mereka memenuhi kriteria kontemporer atau kesemasaan atau *mu'āsarah* sebagaimana yang ditetapkan dalam tajuk kajian. Kedua mereka merupakan penulis yang kritis dan banyak menyentuh isu-isu yang sensitif dalam wacana hadith semasa. Limpahan data dalam karya mereka telah menggerakkan usaha pengkaji untuk

⁷⁶ Ibid., hlm. 25.



mengenalpasti metod kritik setiap tokoh kontemporari sekaligus aliran yang mereka wakili. Ketiga, setiap tokoh melontarkan idea dan pemikiran dengan kritis dalam karya mereka sehingga menyumbang kepada pengukuhan identiti dan aliran mereka.

d. Logik:

Logik adalah munasabah, sesuai dan berpatutan. Logik juga bermaksud dapat diterima akal, rasional dan tidak mustahil. Manakala pemikiran logik adalah cara pemikiran yang kerap dan gemar digunakan dalam merancangkan sesuatu perkara⁷⁷. Menurut pengkaji secara amnya logik boleh difahami sebagai apa yang boleh difahami oleh akal manusia dengan bersamanya bukti bagi menjelaskan sesuatu yang tidak jelas pada mulanya.

Menurut pandangan oleh Irving M. Copy & Carl Cohen yang memberi pendefinisian logik seperti berikut:

“Logic is the study of methods and principles used to distinguish correct from incorrect reasoning because reasoning is an art as well as a science. Logic investigates, develops and systematizes principles and methods that can be used to distinguish between correct and incorrect reasoning”

Menurut Irving M Copi & Carl Cohen, logik adalah satu kajian tentang kaedah dan prinsip yang menyiasat, secara sistematik yang boleh digunakan untuk membezakan antara pemikiran yang betul dan tidak betul⁷⁸.

Manakala Merrile Salmon pula, mengaitkan pemikiran logik dengan pemikiran kritikal di mana pemikiran logik menggunakan prinsip-prinsip umum untuk

⁷⁷ Ibid, Kamus Dewan, hlm. 153.

⁷⁸ Copi, I.M., & Cohen, C (2005). *Introduction to Logic*. New Jersey: Pearson Prentice Hall. Hlm. 1-5.



memutuskan sama ada keterangan yang dikatakan dalam hujah bersifat benar dengan sokongan beberapa penerangan⁷⁹.

Menurut Maimumah Othman ialah pemikiran logik dipengaruhi oleh apa yang teruji dan berjaya dilakukan pada masa lampau. Keadaan ini menyebabkan idea baru yang terkeluar daripad norma lampau dan norma masa kini, amat sukar diterima. Otak akan tercari-cari hujah untuk melihat kebenaran kepada cadangan di luar norma dan memisahkan kesilapan yang mungkin ada. Inilah kesukaran yang selalu dihadapi apabila cadangan baru atau idea baru diketengahkan. Pemikiran logik seolah-olah menjadi penghalang kepada pelaksanaan idea atau cadangan baru, perubahan dan penambahbaikan⁸⁰.

Justeru kajian ini membincangkan dan mengenalpasti perihal kritikan tokoh kontemporari berdasarkan logik mereka terhadap hadith Bukhari dan Muslim. Seterusnya menilainya secara objektif di dalamnya dan menyediakan jawapan terhadap kekeliruan yang mereka timbulkan terhadap hadith. Pengkaji merumuskan maksud dengan kritikan berdasarkan logik yang digunakan dalam kajian ini iaitu perkara yang munasabah dan diterima akal dengan berdasarkan fakta saintifik, munasabah akal dan tabiat manusia, munasabah dengan sifat kenabian, rasional dengan realiti semasa dan tidak mustahil dengan fakta sejarah.

⁷⁹ Salmon, M. (2002). *Introduction to logic and critical thinking*. California. Wardsworth Thomson learning. Hlm. 20.

⁸⁰ Maimunah Osman. (2004). *Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara. Hlm. 47.

e. Hadith:

Perkataan ini bermakna: “baharu”, “ucapan” atau “kisah”. Kebanyakan ahli Hadith menggunakan istilah ini sinonim dengan istilah *khabar* dan *athar*, walaupun sesetengah daripada mereka terkadang membezakan ketiga-tiga istilah ini dengan teliti⁸¹. Menurut Nur al-Din ‘Itr, ketiga-tiga istilah ini digunakan oleh ahli hadith dengan makna yang sama, iaitu “Setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan (*taqrir*), sifat fizikal dan akhlak, serta yang disandarkan kepada sahabat dan tabiin”. Pengkaji membahagikan operasi kajian dengan dua tema iaitu:

- i. Maksud **hadith tentang kesihatan**: hadith yang berkaitan kesihatan mempunyai dua perkara yang dikaji oleh pengkaji iaitu hadith berkaitan dengan penyembuhan dan hadith dengan pencegahan penyakit. Pengkaji telah membuat pilihan hadith yang berkaitan dengan penyembuhan ialah hadith penyembuhan dengan minum madu, hadith makan *habbatus sauda'*, hadith minum susu dan air kencing unta, hadith penyembuhan dengan bekam, hadith penyembuhan dengan rawatan perubatan (*al-kayy*), hadith penyembuhan dengan menggunakan gaharu India, hadith penyembuhan dengan bacaan al-Quran dan doa, hadith penyembuhan dengan keberkatan Nabi saw. Manakala pengkaji membuat pilihan hadith-hadith yang berkaitan dengan pencegahan penyakit iaitu hadith makan 7 biji kurma ajwa, hadith lalat, hadith menjilat jari selepas makan, hadith tiada jangkitan, hadith seorang anak yang baru dilahirkan, hadith melarang istinja' dengan tangan kanan dan hadith meludah dalam masjid.
- ii. Maksud **hadith tentang alam semesta dan penciptaan insan**: hadith yang berkaitan dengan alam semesta yang telah dikritik oleh tokoh-tokoh kontemporari.

⁸¹ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani. *Nuzhah al-Nazar Sharh Nukhbah al-Fikar* (Damsyik: t.p., 2000). 41.

Hadith-hadith ialah hadith matahari sujud di bawah *arasy*, hadith matahari terbit daripada barat, hadith terbelah bulan, hadith Allah swt turun ke langit, hadith *isra'* dan *mikraj*, hadith batu berkata-kata pada akhir zaman, hadith daging tidak akan rosak, hadith pokok yang menghabarkan Nabi saw tentang jin dan hadith turunnya hujan hanya kepada taman orang yang bersedekah. Manakala hadith-hadith berkenaan penciptaan manusia ialah hadith meniup roh dalam janin, hadith air wanita, hadith ‘azal, hadith tangisan bayi, hadith ketinggian Nabi Adam as, hadith Nabi Sulaiman as mengelilingi 99 dan 100 orang perempuan semalam, hadith melawan menguap, hadith wanita pendek akal dan agama, hadith kunci-kunci perkara ghaib (menurunkan hujan).


f. Al-Bukhari:

Nama penuh beliau Abū ‘Abd Allah Mūhammad bin Abū Al-Ḥasan Ismā’īl bin Ibrāhīm bin Al-Mughīrah bin Bardizbah Al-Ju’fī Al-Bukhārī. Pengenalan ringkas tentang beliau akan dikemukakan dalam bab seterusnya.

g. Muslim:

Abū Ḥusayn Asākirudīn Muslim b. Ḥajjāj b. Muslim al-Qushairī Al Nisābūrī. Pengenalan ringkas tentang beliau akan dikemukakan dalam bab seterusnya.

1.10 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual



1.10.1 Rumusan kerangka konseptual

Rumusan kerangka konseptual kajian memfokuskan kepada kritikan daripada tokoh-tokoh kontemporari yang beraliran pemikiran moden, muktazilah, anti hadith, syiah dan orientalis. Tokoh-tokoh ini ada karya masing-masing yang mengkritik hadith sahih al-Bukhari dan Muslim. Pengkaji mendapati dua kecelaruan daripada kritikan tokoh kontemporari iaitu faktor mendorong kepada kritikan dan kecelaruan dalam kritikan. Pengkaji juga mensasarkan dua tema dalam kajian iaitu tema pertama kritikan hadith berkaitan kesihatan iaitu penyembuhan dan pencegahan penyakit. Tema kedua ialah hadith berkaitan dengan alam semesta dan penciptaan alam. Hasil dapatan daripada kritikan mendapati kritikan dari tokoh kontemporari iaitu bercanggah dengan sifat al-Quran dan sifat kenabian, bercanggah dengan fakta saintifik, bercanggah dengan fakta sejarah, bercanggah dengan akal dan tabiat manusia dan bercanggah dengan realiti semasa.

